



**PARLIMEN MALAYSIA**

**MESYUARAT PERTAMA  
PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN  
JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK  
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN  
RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN**

**KHAMIS: 15 MEI 2008**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 10 HINGGA 70)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH [KOTA BHARU]**

**TARIKH : 15 MEI 2007 (KHAMIS)**

**SOALAN : DATO' WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH minta MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-**

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan belia dalam pertanian dan setakat manakah sambutan yang diterima setakat hari ini.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri  
Asas Tani**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjalankan berbagai program bagi meningkatkan penglibatan belia dalam sektor pertanian.

Program Pengeluaran Tanaman Makanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian menawarkan projek-projek tanaman yang boleh disertai oleh golongan belia seperti Projek Tanaman Ladang Komersil, Projek Sayuran Komersil, Projek Tanam Semula Kelapa dan Projek Komoditi Berpotensi seperti cendawan dan roselle. Sehingga kini, seramai 8,437 orang peserta daripada golongan belia terlibat dalam program ini.

Jabatan Pertanian turut menawarkan latihan inkubator usahawan tani selama 6 bulan di Institut Pertanian dan Pusat Kecemerlangan bagi membimbing dan memberi pengalaman secara *hands-on* di ladang kepada peserta projek. Program inkubator ini telah melatih seramai 268 orang usahawan belia tani. Selain daripada itu, seramai 1,375 orang belia telah menjalani kursus-kursus jangka pendek dalam bidang teknikal pengeluaran, keusahawanan, pengurusan kewangan, motivasi dan pemasaran di Institut Pertanian.

Bagi menggalakkan pembangunan industri asas tani, Jabatan Pertanian memberi insentif-insentif dalam bentuk pembinaan premis pemprosesan baru dan naik taraf, peralatan, khidmat sokongan promosi, kawalan mutu dan pembungkusan serta kursus teknikal jangka pendek dan latihan kemahiran selama 6 bulan di Pusat Bimbingan Usahawan. Sehingga kini, seramai 330 orang belia telah menjalani kursus teknikal jangka pendek dan 278 orang belia telah dilatih di Pusat Bimbingan Usahawan.

Jabatan/Agensi Kementerian turut menawarkan program kerjasama bagi menggalakkan penglibatan belia dalam sektor pertanian seperti Program Beliatani Jepun yang merupakan kerjasama antara Jabatan Pertanian dan *Japan Agricultural Exchange Council* serta Program Kerjasama MARDI dengan Persatuan Usahawan Graduan Malaysia (PUGM). Seramai 259 orang belia telah dilatih dalam Program Beliatani Jepun manakala 26 orang ahli PUGM sedang menerima bimbingan MARDI dalam teknologi penanaman cili dan melon secara fertigasi.

Golongan belia juga memberi sambutan baik kepada kursus-kursus ternakan dalam pelbagai bidang iaitu ruminan, poltri, industri hiliran dan teknologi pembiakan yang di tawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Bilangan golongan belia yang mengikuti kursus-kursus ternakan DVS daripada tahun 2002 sehingga tahun 2007 ialah seramai 7,247 orang.

Bagi belia yang meminati bidang perikanan pula, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melaksanakan Program Pembangunan Masyarakat Nelayan untuk belia nelayan melalui Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) yang ditubuhkan di peringkat Persatuan Nelayan Kawasan. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah bengkel kemahiran membaiki enjin bot dengan kerjasama MARA Negeri melalui pusat-pusat GIATMARA – LKIM; kursus motivasi dan bina semangat; program bakti siswa/siswi nelayan dan lawatan sambil belajar. Sehingga kini seramai 1,691 orang belia nelayan telah menerima faedah daripada aktiviti yang telah dijalankan.

Satu lagi program dalam bidang perikanan yang mendapatkan sambutan daripada golongan belia ialah Program Pembangunan Nakhoda yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan di mana sepanjang tempoh 2005-2007, seramai 208 orang peserta adalah golongan belia berumur 18-35 tahun.

Di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), 3 program yang turut melibatkan golongan belia ialah Pembangunan Usahawan Peladang, Pembangunan Manusia Berasaskan Komoditi dan Pembangunan Unit Peladang. Melalui program tersebut belia dibimbing untuk menguruskan aktiviti tanaman, ternakan akuakultur dan pemprosesan makanan dengan cekap dan berorientasikan pasaran. Sehingga kini, seramai 654 orang belia telah menyertai program-program ini.

Sebilangan besar golongan belia juga berminat dalam program Pasar Tani di mana Kajian Sosio Ekonomi Pasar Tani 2007 yang telah dibuat oleh FAMA, mendapati daripada 690 responden, 54% atau 373 orang peserta Pasar Tani adalah terdiri daripada golongan belia.

Selain daripada itu, program Ladang Kontrak di mana pihak FAMA/Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia memberi jaminan pasaran pada harga yang berdaya saing telah menarik seramai 4,024 orang belia untuk terlibat secara langsung sebagai pengeluar kontrak buah-buahan dan sayur-sayuran di seluruh negara.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2008**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B.PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
(AMPANG)**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN :**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan Pelan dan program yang telah dirancang untuk dilaksanakan bagi pembangunan tenaga pengajar serta kandungan pembelajaran di tadika/tabika KEMAS.

**JAWAPAN :**

Program peningkatan guru-guru Tabika KEMAS Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ke tahap diploma telah dilaksanakan bermula tahun 2006 dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia di mana guru atau bakal guru dihantar berkursus di Institut Perguruan Kementerian Pelajaran.

Pelaksanaan kursus ini terdapat dalam dua (2) mode iaitu Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi guru Tabika KEMAS yang sedang berkhidmat dan Kursus Sepenuh Masa (KSM) bagi pengambilan baru guru Tabika KEMAS. Tempoh Kursus Dalam Cuti adalah selama 3 tahun 9 bulan manakala Kursus Sepenuh Masa selama 3 tahun. Program ini melibatkan 18 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) dan menggunakan kurikulum latihan prasekolah yang digunapakai oleh Kementerian Pelajaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ]**  
**TARIKH : 15 MEI 2008**  
**RUJUKAN : 878**

**Soalan:**

**Dato' Seri Ong Ka Ting [ Kulai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan isteri kepada warganegara Malaysia yang telah berkahwin dan tinggal di negara ini lebih daripada tujuh (7) tahun, walaupun telah mengemukakan permohonan permit masuk (taraf penduduk tetap) tetapi masih belum diluluskan dan adakah Kerajaan bersedia untuk mengadakan dasar yang telus dan seterusnya mempercepatkan proses kelulusannya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia tiada perangkaan terperinci bilangan permohonan Permit Masuk bagi isteri kepada Warganegara Malaysia yang telah berkahwin dan tinggal di negara ini lebih daripada tujuh tahun. Seseorang isteri kepada Warganegara Malaysia yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Permit Masuk. Syarat-syarat yang dimaksudkan ialah telah berkahwin dengan Warganegara Malaysia secara sah dan telah tinggal bersama-sama suami beliau di negara ini selama tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sangat berhati-hati untuk membuat pertimbangan dan keputusan kerana setiap permohonan akan melalui beberapa prosedur yang penting. Antara prosedur yang perlu dilalui oleh setiap permohonan adalah temu duga dan siasatan oleh Jabatan Imigresen Malaysia serta proses tapisan keselamatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Kedua-dua elemen ini adalah mustahak bagi memastikan maklumat yang dikemukakan adalah tulen dan benar serta untuk memastikan pemohon bebas dari gejala-gejala yang tidak sihat dan mungkin

memudaratkan serta mengancam keselamatan negara ini. Kerajaan juga seboleh mungkin ingin memastikan setiap pemohon benar-benar ingin bermastautin di negara ini serta mempunyai rasa hormat dan kecintaan kepada negara. Kesemua syarat dan prosedur yang ditetapkan juga bertujuan untuk meminimumkan penyalahgunaan kemudahan yang disediakan seperti di dalam situasi '*marriage of convenience*' dengan izin.

Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan juga bahawa pengeluaran Permit Masuk bagi membolehkan seseorang warga asing mendapatkan taraf Pemastautin Tetap bukanlah suatu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana individu, tetapi ia dikeluarkan atas budi bicara Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian senantiasa memantau senario semasa demi penambahbaikan terhadap sistem penyampaian Kerajaan..

**SOALAN NO. 13**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG**  
**KAWASAN : BUKIT BENDERA**  
**TARIKH : 15.05.2008 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada Kerajaan sedang menghapuskan Permit Lulus (AP) bagi keluli yang mana menyumbangkan kepada kos pembinaan yang tinggi untuk negara.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuatkuasa 12 Mei 2008, Kerajaan telah mengecualikan pengenaan lesen import dan eksport (AP) bagi bilet dan bar keluli yang digunakan dalam industri pembinaan.**

**Selain ini, langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kos pembinaan yang tinggi untuk negara adalah pengecualian duti import serta pemansuhan kawalan harga bagi bilet dan bar keluli .**

**Kerajaan yakin langkah-langkah yang telah mula dilaksanakan pada 12 Mei 2008 tersebut akan mengurangkan kos pembinaan negara.**

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**  
**TARIKH : 15 MEI 2008**  
**RUJUKAN : 879**

**Soalan:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) berapakah jumlah terkini pekerja-pekerja asing yang bekerja di Malaysia dan statistik mengikut warganegara mereka; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan penggunaan buruh asing dan menggalakkan tenaga kerja tempatan.

## **JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 15.5.2008**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, terdapat seramai 2,122,930 pekerja asing yang sah sehingga 31 Mac 2008. Rekod menunjukkan terdapat enam negara yang mencatatkan bilangan pekerja asing melebihi 100,000 orang di negara ini. Jumlah terbesar adalah daripada Indonesia iaitu 1,134,644 orang diikuti pekerja asing Bangladesh seramai 303,255 orang dan pekerja asing Nepal seramai 216,201 orang. Seterusnya pekerja asing daripada India seramai 143,299 orang, Myanmar seramai 131,308 orang dan Vietnam seramai 109,519 orang. Pekerja-pekerja asing daripada negara-negara lain seperti Filipina, Thailand, Pakistan, Kemboja, China dan Sri Lanka, setiap satunya mencatatkan jumlah pekerja di bawah 30,000 orang manakala Laos, Uzbekistan dan lain-lain cuma mempunyai kurang 50 orang pekerja asing di Malaysia.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di negara ini. Antaranya ialah Kerajaan telah bertegas untuk tidak lagi membenarkan majikan memperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara bagi pekerja asing tidak mahir yang telah bekerja selama lima tahun di Malaysia. Ini

mbolehkan majikan mengambil tindakan awal melatih pekerja tempatan sedia ada untuk menggantikan pekerja asing yang akan pulang ke negara asal. Kekosongan yang wujud juga boleh diisi oleh pekerja tempatan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia.

Kementerian ini juga sedang mengkaji semula syarat-syarat kelulusan permohonan pekerja asing di Pusat Kelulusan Setempat Pekerja Asing, KDN. Penekanan akan diberikan kepada majikan supaya berusaha menggaji pekerja tempatan terlebih dahulu manakala pekerja asing merupakan pilihan terakhir.

Kerajaan juga telah mengarahkan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri menjalankan kajian penetapan had siling pekerja asing dan kajian pengurangan kebergantungan terhadap pekerja asing di Malaysia. Berdasarkan kajian tersebut, Kerajaan positif bahawa bilangan pekerja asing akan dapat dikurangkan secara berperingkat bagi semua sektor untuk mencapai siling 1.5 juta orang sahaja menjelang tahun 2015. Kerajaan sedang meneliti cadangan bagaimana sasaran ini boleh dicapai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

DARIPADA: YB DR. DZULKEFLY BIN AHMAD  
(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 15.05.2008

DR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan di ketika banyak negara termasuk jiran terdekat telah melakukan 'adjustment' dengan izin, tentang ramalan pertumbuhan (growth), mengapakan Malaysia masih kekal dengan projeksi lama dan apakah implikasi dan impak kepada 'sumber' atau 'resources' negara.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar seperti kelembapan ekonomi Amerika Syarikat (AS) berikutan krisis subprima, harga komoditi global yang terus meningkat dan ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global, Kerajaan telah melakukan semakan semula ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia seperti mana yang telah dilakukan oleh kebanyakan negara. Dengan mengambil kira persekitaran yang tidak menentu ini serta berdasarkan

unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kerajaan telah mengumumkan bahawa, prestasi ekonomi negara dianggarkan mencatatkan pertumbuhan pada kadar antara 5.0%-6.0% pada tahun 2008 berbanding anggaran awal di antara 6.0%-6.5%.

Sejak mengalami krisis kewangan pada tahun 1997/98, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dalam negeri dan daya saing di peringkat antarabangsa supaya tidak terjejas dengan teruk sekiranya berlaku ketidakpastian dalam ekonomi dunia seperti yang berlaku sekarang. Ramalan pertumbuhan di antara 5.0%-6.0% ini dijangka tidak memberi tekanan kepada sumber dan 'resources' negara. Ini kerana, pertumbuhan yang diramal telah mengambil kira potensi pengeluaran ekonomi. Kerajaan pula mengamalkan perbelanjaan berhemah dan komited kepada matlamat untuk memastikan tahap defisit kewangan Kerajaan pada tahap mampan. Di samping itu, sumber yang menyumbang kepada pertumbuhan ini termasuk pelaburan dan penggunaan swasta yang masing-masing dijangka berkembang pada paras 6.3% dan 6.5%.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 15.5.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa terdapat guru-guru KPLI yang dilatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) namun dipertikaikan kualitinya oleh pihak sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak berkompromi dari segi kualiti guru yang bakal dikeluarkan. Guru pelatih yang tidak melepasi tahap pencapaian yang ditetapkan seperti dalam ujian, latihan mengajar atau peperiksaan boleh digagalkan dalam pengajian mereka. Dalam proses pengajian di Institusi Pendidikan Guru (IPG), guru-guru pelatih yang menghadapi masalah pembelajaran akan dikuarantin dan dibimbing agar melepasi ujian yang ditetapkan. Ujian ulangan akan dijalankan bagi mengatasi guru-guru yang gagal dalam ujian pertama dan majoriti mereka lulus dalam ujian ulangan yang diadakan. Oleh yang demikian, hampir semua (100%) guru yang tamat pengajian mereka di IPG telah lulus dan melepasi tahap yang ditetapkan oleh KPM. Namun demikian, terdapat sebilangan kecil (di bawah 0.1%) pelatih yang terpaksa ditamatkan pengajian kerana perkara-perkara lain seperti masalah

disiplin, tidak berminat untuk menjadi guru serta mengidap penyakit yang memaksa guru pelatih tersebut menamatkan pengajiannya lebih awal.

KPM memang berpuas hati dengan kualiti guru-guru yang dikeluarkan. Guru-guru yang telah berkhidmat sentiasa dari semasa ke semasa diberi kursus dan bimbingan melalui kursus dalam perkhidmatan sama ada secara jangka pendek dan jangka panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'Guru Permulaan' (*Newly Qualified Teachers*) yang merupakan graduan dari IPG dipantau oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dalam tempoh 6 bulan pertama selepas ditempatkan di sekolah-sekolah. Bimbingan dan panduan masih diberikan kepada guru-guru baru dengan kerjasama pihak sekolah iaitu pentadbir dan guru-guru terlatih. Di samping itu, sekolah-sekolah juga melaksanakan kaedah mentor-mentee yang melibatkan guru-guru berpengalaman membimbing guru-guru permulaan. Pada masa yang sama, Guru Besar dan Pengetua sekolah turut berperanan untuk memantau dan membuat pencerapan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Di peringkat KPM pula, Jemaah Nazir berperanan membuat pemantauan dan penaziran yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, Bahagian Sumber Manusia pula menyediakan khidmat bimbingan kaunseling melalui kaunselor yang dilantik dan Institut Aminuddin Baki berperanan dalam memberikan latihan pengurusan kepada guru dan pentadbir sekolah.

**SOALAN NO: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : MULUT**

**TARIKH : 15.05.2008**

**Y.B. Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai kebebasan rakyat untuk membuat spekulasi di Pasaran Kewangan atau Forex.

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan membenarkan rakyat untuk mengurus niaga mata wang asing seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 4 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Menurut Seksyen tersebut, mana-mana pihak dibenarkan untuk mengurus niaga mata wang asing dengan bank-bank berlesen tempatan yang merangkumi bank perdagangan, bank pelaburan, bank Islam dan bank Islam antarabangsa di Malaysia.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)** minta **Perdana Menteri** menyatakan sama ada Jambatan Pulau Pinang Kedua akan siap untuk dibuka kepada laluan kenderaan tepat pada 1 Januari 2011.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua ini dijangka lewat dibuka kepada orang ramai berbanding sasaran awal siapnya projek ini pada 1 Januari 2011. Kelewatan ini adalah disebabkan rundingan terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi masih belum dapat dimuktamadkan di samping kos projek jambatan ini baru sahaja dipersetujui pada pertengahan April 2008 ditetapkan sebanyak RM4,300 juta. Setelah terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi dimuktamadkan, satu Kertas Jemaah Menteri akan disediakan bagi mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Kerajaan seterusnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**  
**TARIKH : 15 MEI 2008**  
**RUJUKAN : 881**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah statistik rendah dalam kes-kes jenayah berat diselesaikan dan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasinya.**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Puchong yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jenayah berat merujuk kepada jenayah terancang yang membabitkan kecederaan atau ancaman nyawa manusia. Ia merupakan jenayah serius yang mengancam sesebuah masyarakat seperti jenayah samun, bunuh dan rogol. Seseorang yang melakukan jenayah ini biasanya akan dikenakan hukuman yang berat seperti penjara seumur hidup, sebatan dan hukuman mati. Statistik penyelesaian kes di Malaysia menunjukkan kadar penyelesaian kes yang agak tinggi dan melebihi standard yang ditetapkan oleh pihak Interpol iaitu 20%.

Tuan Yang Dipertua,

Di antara sebab-sebab kadar penyelesaian kes-kes jenayah berat di tahap yang rendah adalah kerana sikap anggota masyarakat yang tidak mahu terlibat atau memberikan maklumat; terdapat saksi-saksi bebas enggan memberikan kerjasama dan tampil ke hadapan untuk memberikan keterangan; ketiadaan bukti yang kukuh kerana bahan bukti atau kesan cap jari dimusnahkan oleh penjenayah; tiada saksi di tempat kejadian dan mangsa gagal membuat pengecaman terhadap suspek. Di samping itu juga, tiada CCTV di tempat kejadian; pengadu atau mangsa tidak memberikan kerjasama dan penjenayah telah mengetahui teknik-teknik serta cara penyiasatan pihak polis.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak PDRM mengambil tindakan pencegahan yang berterusan dengan bantuan masyarakat; menubuhkan Unit Forensik; mempertingkatkan kehadiran Polis beruniform di tempat-tempat yang berpotensi berlakunya kes-kes jenayah; mempertingkatkan pencarian maklumat risikan; mempertingkatkan mutu penyiasatan; mengambil tindakan berterusan terhadap ahli-ahli kongsi gelap dan kumpulan samseng dan mencegah kemasukan serta menangkap pendatang-pendatang asing tanpa izin yang berada di negara ini untuk di hantar balik ke negara masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana pengambilalihan kawasan-kawasan pertanian di negeri-negeri utara oleh syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby melalui NCER dapat membawa faedah kepada warga tani di sana.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang telah dilancarkan pada 30 dan 31 Julai 2007 lalu, sememangnya turut mengambilkira sumbangan dan peranan penting yang perlu dimainkan oleh pihak swasta dalam pembangunan di setiap koridor pertumbuhan. Peranan pihak swasta tidak dapat dinafikan, adalah amat kritikal dalam menjamin kejayaan inisiatif koridor-koridor pertumbuhan ini. Sebab itulah, Pelan Induk yang disediakan bagi setiap koridor juga turut mengambilkira peranan dan sumbangan yang diperlukan daripada pihak swasta.

Walau bagaimanapun, pengambilalihan kawasan-kawasan pertanian bukan merupakan satu inisiatif atau strategi yang disyorkan dalam mana-mana koridor pembangunan. Pelan-Pelan Induk yang dirangka bagi setiap koridor hanya mengesyorkan agar tanah-tanah pertanian atau tanah-tanah lain, terutamanya yang tidak diusahakan atau terbiar, dimajukan supaya dapat membawa hasil kepada pemilik dan membantu perkembangan ekonomi kawassan tersebut. Namun begitu, kita tidak dapat menghalang sesuatu pengambilalihan tanah jika tuan-tuan punya tanah itu sendiri mahu menjual tanah-tanah mereka kepada sesiapa pun.

Begitu juga bagi syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby Berhad, walaupun setakat ini menunjukkan bahawa mereka tidak ada membuat pengambilalihan kawasan-kawasan pertanian di negeri-negeri utara, tetapi mereka boleh berbuat demikian dalam pasaran terbuka. Namun demikian, pihak Sime Darby Berhad, sebagai melaksanakan tanggungjawab sosial korporatnya, telah berkerjasama dengan KedahAgro (iaitu sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri Kedah) untuk membuat pelaburan kira-kira RM10 juta bagi membangunkan sebuah kawasan penanaman jagung manis seluas lebih 300 ekar di Bukit Tangga, Kedah. Konglomerat ini juga telah komited untuk melabur lebih kurang RM38 juta lagi bagi menubuhkan satu pusat kajian biji benih di Perlis dengan kerjasama kerajaan negeri berkenaan. Selain dari aktiviti-aktiviti di atas, pihak Sime Darby Berhad juga akan membangunkan aktiviti berkaitan pertanian, jika bersesuaian, di kawasan miliknya sendiri di masa hadapan, memandangkan konglemerat ini mempunyai hak-milik kawasan berkaitan kelapa sawit yang luas di utara Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan syarikat-syarikat swasta seperti Sime Darby Berhad juga adalah sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dalam aktiviti pertanian khususnya di NCER. Pihak Sime Darby Berhad hanya berperanan untuk membantu (facilitate) pembangunan. Adalah diharapkan penglibatan syarikat-syarikat swasta juga dapat berperanan sebagai pemangkin untuk menyuntik budaya

pertanian secara komersil yang lebih produktif dan dapat memberikan pendapatan atau keuntungan kepada rakyat. Di samping itu, Pihak berkuasa Koridor yang ditubuhkan di NCER iaitu Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau dengan izin, *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) akan turut memberikan bantuan dan kerjasama kepada usaha-usaha syarikat swasta yang dapat memberi faedah dan meningkatkan produktiviti kepada warga tani di kawasan NCER. NCIA juga akan berusaha melindungi dan mengutamakan kepentingan petani dalam sebarang usaha yang melibatkan mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT @ DEWAN NEGARA**

- PERTANYAAN : LISAN**
- DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
(KINABATANGAN)**
- TARIKH : 15 MEI 2008**
- SOALAN : YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN minta PERDANA  
MENTERI menyatakan apakah sumbangan sosial Lembaga Tabung  
Haji dalam melaksanakan aktiviti ekonominya terhadap masyarakat  
setempat**
- JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Amalan membantu mereka yang susah dan memerlukan sudah menjadi kemestian dan kewajipan bagi Lembaga Tabung Haji sebagai sebuah organisasi Islam. Setiap tahun Tabung Haji tidak pernah lalai dalam melaksanakan tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat. Tabung Haji turut mempraktikkan inisiatif yang terkandung di dalam Silver Book. Di antara penekanan yang diberikan oleh Tabung Haji dalam menjalankan tanggungjawab sosialnya pada tahun 2007 adalah seperti berikut:-

1. **Pembangunan Modal Insan – Jumlah Keseluruhan RM1.93 juta**  
Di antara program tersebut adalah:-
  - a. Program Anugerah Al Mithali **TH**
  - b. Skim Hadiah Galakan Sekolah-sekolah Malaysia
  - c. Program Sekolah Angkat **TH** di seluruh Malaysia
  - d. Skim Lepasan Siswazah
  - e. Sumbangan dan Bantuan kepada sekolah-sekolah
  - f. Islamic Economics Forum
  - g. Tajaan Imam Solat Tarawikh
  - h. Pelajar Praktikal
  - i. Sumbangan kepada siswa USIM
  - j. Akademi Al-Quran TV9
  
2. **Bantuan kepada rakyat miskin – Jumlah Keseluruhan RM0.4 juta**  
Di antara program tersebut adalah:-
  - a. Pembiayaan Projek Perumahan Rakyat Termiskin
  - b. Program Wakaf Al-Quran
  - c. Tabung Dapur untuk Darfur
  - d. Program Ihya' Ramadhan di setiap negeri

**3. Penglibatan dalam Komuniti – Jumlah Keseluruhan RM2.15 juta**

Di antara program tersebut adalah:-

- a. Bantuan Mangsa Banjir/ Kebakaran dan Bencana Alam
- b. Yayasan ATM
- c. Sumbangan kepada rumah anak yatim di setiap negeri
- d. Sumbangan kepada badan kebajikan
- e. Sumbangan kepada pusat khidmat masyarakat

**4. Kebajikan Anggota – Jumlah Keseluruhan RM0.41 juta**

Di antara program tersebut adalah:-

- a. Skim Pengajian Tinggi
- b. Program Pra-Persaraan
- c. Program Peralihan
- d. Program Ijazah Kerjasama TH-UUM

Selain itu, pada tahun ini Tabung Haji sedang dalam perancangan untuk menjalankan aktiviti tanggungjawab sosial yang telah dirancang sepanjang tahun 2008. Insya Allah selaras dengan saranan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Tabung Haji akan lebih menjurus kepada aktiviti pembangunan modal insan berkualiti dan dinamik. Tumpuan akan diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah. Di antara program yang akan dilaksanakan dan diteruskan pada tahun ini adalah:-

- a. Program Anugerah Al Mithali *TH* 2008 – program khusus untuk mengiktiraf kecemerlangan pelajar sekolah yang beragama Islam, berbangsa Melayu tetapi berlatarbelakangkan keluarga yang miskin dan dhaif.
- b. Program Sekolah Angkat *TH*
- c. Program Celik Jawi – sebagai usaha untuk menjaga dan memulihkan kesedaran penggunaan dan pemahaman tulisan jawi di kalangan masyarakat sekolah.
- d. Program Ihya' Ramadhan – program mengimarahkan bulan Ramadhan dan memberi bantuan kepada keluarga termiskin sempena menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri

Begitu juga dengan ladang-ladang milik *TH* di seluruh negara, *TH* memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat untuk bekerja di peringkat pengurusan dan estet. Daripada aktiviti perladangan yang dilaksanakan di sesuatu kawasan, *TH* juga mewujudkan usahawan-usahawan bumiputera dengan pemberian kontrak-kontrak di peringkat estet seperti mengangkut buah ke kilang pemprosesan kelapa sawit dan membaja pokok sawit.

Di samping itu, pembukaan kedai runcit, kedai barangan gantian kenderaan dan kedai makanan juga wujud di persekitaran kawasan ladang. Ini telah meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

Selain dari program di atas Tabung Haji dari semasa ke semasa sentiasa akan memikirkan dan mengadakan program-program yang bersesuaian untuk diadakan dalam mencapai matlamat Silver Book dan juga dalam menjalankan tanggungjawab sosialnya terhadap masyarakat.

Disediakan oleh :-

**Haji Syed Saleh bin Syed Abdul Rahman**  
**Pengurus Besar Kanan (Kewangan Korporat & Perkhidmatan)**  
**(P) : 03 - 2054 2187      (HP) : 012 - 2777731**

**Abdul Rashid bin Hussein**  
**Pengurus Besar (Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan)**  
**(P) : 03 - 2054 2132      (HP) : 019 - 2333053**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL**  
**(LIBARAN)**  
**TARIKH : 15.5.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejumlah lebih 113 juta kanak-kanak tidak dapat akses kepada pendidikan rendah dan 880 juta golongan dewasa pula buta huruf di seluruh dunia pada tahun 2000 dan apakah impak senario itu kepada Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Walau pun senario global menunjukkan seramai 113 juta kanak-kanak tidak mendapat akses kepada pendidikan dan kadar buta huruf yang tinggi tetapi negara Malaysia tidak menghadapi senario tersebut. Data Januari 2007 menunjukkan bahawa kadar penyertaan kanak-kanak di Malaysia adalah tinggi berbanding dengan negara-negara sedang membangun yang lain iaitu pada kadar 94.24 peratus di peringkat rendah dan 85.05 peratus di peringkat menengah.

Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib pada tahun 2003 untuk peringkat sekolah rendah sebagai langkah untuk memastikan semua kanak-kanak umur persekolahan wajib mengikuti persekolahan sama ada di sekolah KPM atau swasta. Manakala kanak-kanak khas termasuk menghadapi masalah-masalah pembelajaran yang lain yang tidak layak ke sekolah perlu mendapat kebenaran bertulis daripada pihak KPM bagi memastikan kanak-kanak ini mendapat pendidikan secara '*home-schooling*'. Bagi golongan dewasa pula, Malaysia juga adalah antara negara – negara sedang

membangun yang mempunyai kadar literasi yang tinggi iaitu 95.3 peratus untuk lelaki dan 89.6 peratus bagi kumpulan umur 15 tahun ke atas.

Bagi meningkatkan akses pendidikan di Malaysia, KPM telah pun menggubal Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang memberi penekanan kepada teras merapatkan jurang pendidikan dari segi lokasi, sosio ekonomi, tahap pencapaian pendidikan serta pelajar berkeperluan khas dan normal. Sememangnya KPM amat prihatin dalam memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan yang berkualiti.

KPM juga menjalankan pelbagai usaha untuk mengurangkan keciciran. Antaranya termasuk menambah baik kemudahan asas, menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah rendah di luar bandar, meningkatkan kesedaran ibu bapa, memantapkan program-program pendidikan khusus kepada murid-murid Orang Asli dan Penan serta mewujudkan kelas-kelas pembelajaran khas untuk ibu bapa Orang Asli, seperti yang sedang dirintis di 22 buah sekolah, serta mewujudkan dan memperluas program-program bantuan seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Skim Bantuan Tuisyen (SBT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Di samping itu, penawaran Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Tingkatan 4 juga diperluaskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

**SOALAN 23**

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**PARLIMEN KEDUABELAS (2008) DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam menyelesaikan konflik di Palestin dan usaha untuk memberikan autonomi sepenuhnya kepada Kerajaan Palestin yang dipilih oleh rakyat.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Marang.

2. Mengenai konflik di Palestin, Malaysia sentiasa menyokong kuat usaha pihak berkuasa Palestin untuk mencapai matlamat penubuhan sebuah negara Palestin yang berdaulat yang hidup berdamai dengan Israel. Persefahaman Bersama yang telah

dipersetujui semasa Persidangan Annapolis pada November 2007 oleh pihak Palestin dan Israel merupakan permulaan baik kepada penyelesaian yang berkekalan bagi konflik tersebut. Isi kandungan Persefahaman tersebut menggariskan tindakan-tindakan khusus ke arah pewujudan negara Palestin yang berdaulat dalam jangka masa yang ditetapkan (akhir 2008) serta bagi memastikan satu perjanjian damai di antara Palestin dan Israel dapat dipersetujui.

3. Namun demikian, keikhlasan pihak Israel dalam mematuhi Persefahaman Bersama tersebut diragui berikutan tindakan-tindakan berterusan yang bersifat '*unilateral*' terhadap rakyat Palestin yang menjejaskan rundingan damai yang sedang berlangsung.

4. Malaysia sering juga menekankan keperluan rakyat Palestin sendiri khususnya pihak Fatah dan Hamas, untuk bersatu-padu dan mengelakkan sengketa di antara mereka agar dapat menumpukan perhatian terhadap mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat.

5. Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam menyuarakan pendirian di pelbagai forum antarabangsa, khususnya dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dengan mendesak supaya badan-badan ini lebih tegas dalam usahanya bagi memastikan kejayaan Pelan Damai Israel – Palestin.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ]

**TARIKH** : 15 MEI 2008

**SOALAN** :

**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ] minta MENTERI SUMBER  
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan -**

- (a) sama ada terdapat polisi yang mensyaratkan syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti perusahaan atau perkilangan berkaitan pengeluaran dan pemprosesan bahan-bahan berasaskan kimia yang menyediakan peruntukan kewangan sebagai pampasan atau ganti rugi sosial kepada orang awam terutama di kawasan yang terdedah atau terkena kesan negatif alam sekitar. Jika ada bagaimana kaedah tersebut.; dan
- (b) setakat ini, jumlah keseluruhan peruntukan untuk kesan alam sekitar yang dibayar oleh syarikat-syarikat tersebut dan kepada siapakah pampasan tersebut dibuat.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak mempunyai dasar yang mensyaratkan syarikat-syarikat` memperuntukkan kewangan sebagai pampasan atau ganti rugi. Walau bagaimanapun di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 diperuntukkan pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta. Dalam hal ini, jika mahkamah mendapati sesuatu kesalahan di bawah Akta tersebut telah mengakibatkan kerugian atau kerosakan harta, mahkamah boleh memerintah orang yang disabitkan kesalahan untuk membayar kos dan perbelanjaan yang dilakukan atau pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta dan apa-apa kos lain, dalam amaun yang mahkamah fikirkan patut.

Sehingga kini tiada kes di mana mahkamah telah memerintah pembayaran pampasan bagi kerugian atau kerosakan kepada harta.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING [ LANANG ]

TARIKH : 15 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Tiong Thai King [ Lanang ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian sedar penerokaan tanah secara meluas untuk pembangunan perumahan, aktiviti pertanian dan perkilangan di seluruh negara akan lama-kelamaan mengakibatkan flora dan fauna dalam hutan akan mengalami kepupusan, apakah langkah atau usaha yang diambil untuk melindungi alam semula jadi ini.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedar bahawa penerokaan tanah tanpa kawalan dan secara meluas untuk aktiviti-aktiviti pembangunan seperti pertanian, perkilangan dan perumahan boleh mengakibatkan kepupusan flora dan fauna dalam hutan. Bagi memastikan aktiviti-aktiviti pembangunan ini tidak mendatangkan kesan sedemikian, Kementerian mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) Menasihati Kerajaan Negeri, pemaju projek atau Pihak Berkuasa Meluluskan Projek supaya mengambilkira aspek alam sekitar di dalam merancang sesuatu projek pembangunan. Umpamanya, kesesuaian tapak bagi cadangan sesuatu projek hendaklah ditentukan di peringkat awal perancangan projek. Pematuhan kepada keperluan ini boleh mengelakkan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar seperti hutan simpan, tapak hutan paya bakau yang diwartakan di bawah konvensyen RAMSAR dan sebagainya.

- (ii) Menghendaki pemaju projek menjalankan kajian kesan penilaian kepada alam sekitar (*Environmental Impact Assessment - EIA*) yang komprehensif bagi cadangan projek pembangunan yang tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Kajian EIA yang dijalankan, antara lain, perlu mengambilkira skop kajian terperinci mengenai flora dan fauna dari segi ramalan impak serta cadangan langkah kawalan yang perlu diambil oleh pemaju projek semasa pembinaan dan juga semasa operasi.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**  
DARIPADA : **TUAN TONY PUA KIAM WEE**  
**[ PETALING JAYA UTARA ]**  
TARIKH : **15 MEI 2008**  
NOMBOR FAIL : **883**

**Soalan:**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah nilai, maklumat dan kedudukan projek mega "Sistem Imigresen "Single Platform" (SIM). Adakah projek sensitif keselamatan dalam negeri ini diberi kepada sebuah syarikat yang kurang berpengalaman dalam bidang sistem imigresen, yang dimiliki oleh warganegara asing pada masa kontrak ditetapkan.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B Petaling Jaya Utara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Imigresen Malaysia berasaskan 'Single Platform' (SIM) dibangunkan oleh Syarikat Multimedia Glory System Sdn. Bhd adalah syarikat dimiliki oleh warganegara dan mempunyai status syarikat MSC. Adalah tidak benar syarikat ini tidak berpengalaman dalam pembangunan system kerana pada masa ini beberapa modul system telahpun siap dibangunkan dan sudahpun beroperasi seperti sistem kawalan pintu masuk di lokasi-lokasi pintu keluar/masuk Imigresen seluruh negara, sistem keselamatan, sistem pas sempadan di semua pintu masuk Imigresen sempadan Malaysia – Thai dan system kawalan depot Imigresen. Malah SIM telahpun menyalurkan maklumat statistik pelancongan kepada TDC secara "online real-time" pada masa ini.

**SOALAN NO. ( 27 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y. B. TUAN LIANG TECK MENG  
(SIMPANG RENGAM)  
**TARIKH** : 15 MEI 2008 (KHAMIS)

**SOALAN** :

**Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGAM)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejak Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ditubuhkan, berapakah bilangan kes tuntutan yang berjaya diselesaikan dan berapakah bilangan kes tuntutan yang perlu dibawa ke Mahkamah Tinggi.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan Tribunal Pembeli Rumah atau TTPR adalah untuk melindungi kepentingan pembeli rumah terutama sekali di dalam penyelesaian pertikaian tuntutan gantirugi yang berbangkit daripada Surat Perjanjian Jual Beli yang ditandatangani di antara pembeli dan pemaju perumahan.

Sejak TTPR ditubuhkan pada Januari 2003, sebanyak 22,050 kes daripada 23,315 kes iaitu 95% telah berjaya diselesaikan. Untuk makluman, TTPR tidak mempunyai kuasa untuk menentukan mana-mana kes yang perlu di bawa ke Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Mac 2008, sebanyak 354 kes yang telah difailkan ke Mahkamah Tinggi untuk tujuan Semakan Kehakiman (*Judicial Review*).

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**  
**(PADANG TERAP)**  
**TARIKH : 15.5.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP)** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah syarat-syarat pertukaran guru dan apakah masalah utama yang menyebabkan kebanyakan guru tidak dapat dipindahkan walaupun mempunyai alasan kukuh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan dasar pertukaran guru sama ada antara negeri atau dalam negeri dilaksanakan secara berjadual. Pertukaran tersebut dilakukan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada awal tahun (1 Januari) dan pertengahan tahun (1 Jun).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan kelulusan bagi pertukaran awal tahun adalah melibatkan semua permohonan, manakala bagi pertukaran pertengahan tahun, hanya kes-kes kesihatan kronik akan dipertimbangkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004, jawatan guru diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif. Selaras dengan pekeling tersebut, tempoh kelayakan bagi permohonan pertukaran antara negeri adalah mereka yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun di negeri terakhir.

Walaupun bagaimanapun, kelulusan permohonan tersebut adalah tertakluk kepada keperluan dan kekosongan jawatan di negeri yang dipohon. Di samping itu, pertimbangan pertukaran juga dibuat berdasarkan syarat-syarat berikut:

- i. Atas keperluan perkhidmatan
- ii. Kes kesihatan yang kronik bagi pemohon (surat pengesahan daripada doktor pakar kerajaan)
- iii. Mengikut suami atau isteri
- iv. Memenuhi tempoh perkhidmatan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
(SUNGAI SIPUT)

**TARIKH** : 15.05.2008

**SOALAN** : **Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**(SUNGAI SIPUT)**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Laporan SUHAKAM terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang telah dikemukakan pada tahun 2003 pernah dibenteng untuk dibahas oleh Ahli Parlimen.

**Cadangan jawapan:**

Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2003 telah didaftarkan di Parlimen Malaysia sebagai sebuah risalat mesyuarat sebagai Kertas Statut No 30 Tahun 2004.

Mengikut Peraturan 20, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat tiap-tiap risalat mesyuarat yang telah diterima salinannya oleh Setiausaha, hendaklah disifatkan telah dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat dan diperintahkan supaya terbenteng di atas Meja Mesyuarat.

Laporan ini telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat pada 31 Mei 2004 dan di Dewan Negara pada 9 Jun 2004.

Apa-apa perbahasan ke atas kandungan Laporan Tahunan berkenaan adalah tertakluk kepada inisiatif Ahli-ahli Parlimen sendiri kerana tidak ada peruntukan khas di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang mensyaratkan supaya mana-mana risalat dibahas secara khusus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan yang baru dibentuk ini serius untuk menangani masalah banjir Pendatang Tanpa Izin (PATI) di negeri Sabah kerana sehingga kini isu ini masih belum selesai dan menyatakan apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini secara sekaligus memandangkan isu ini juga disentuh dalam manifesto Barisan Nasional pada pilihanraya baru-baru ini.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pihak Kerajaan sentiasa serius dalam menangani masalah kehadiran Pendatang Tanpa Izin (PTI) di negeri Sabah. Agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan sentiasa melaksanakan usaha dalam menangani masalah ini. Malah penglibatan rakyat tempatan juga amat dititikberatkan melalui seminar, seramah dan kempen-kempen yang dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah ini ialah:

- Memperketatkan kawalan di kawasan perairan, sempadan dan pintu-pintu masuk ke negeri Sabah;
- Mempertingkatkan usaha mengesan, menangkap dan menghukum Pendatang Tanpa Izin (PTI);
- Memperkasakan dan menambah lagi anggota agensi-agensi penguatkuasaan yang terlibat menangani masalah ini;
- Mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang yang sedia ada terhadap mereka yang didapati melindungi atau menggaji Pendatang Tanpa Izin (PTI);

- Menjalankan kempen-kempen bagi meningkatkan kesedaran rakyat tempatan dalam membantu menangani masalah ini; dan
- Mendirikan pusat tahanan yang baru (di Papar dan Sandakan) untuk menampung lebih banyak tangkapan terhadap pendatang tanpa izin di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM  
[ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**RUJUKAN : 884**

**Soalan:**

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah terkini pekerja-pekerja asing dengan izin dan tanpa izin di Negeri Selangor, serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi cabaran ini dengan mengimbangi hak asasi mereka dan permasalahan rakyat Malaysia.

## **JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 15.5.2008**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Bandar Tun Razak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor merekodkan seramai 119,394 orang pekerja asing yang berdaftar dan bekerja secara sah di negeri Selangor sehingga 31 Mac 2008. Walau bagaimanapun, didapati majoriti daripada majikan momohon Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pekerja asing mereka di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Putrajaya dan sebilangan kecilnya di Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Jumlah pekerja asing yang direkodkan adalah seramai 719,003 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pekerja asing yang sah di sekitar Lembah Kelang mencecah 838,397 orang.

Untuk bilangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negeri Selangor, Jabatan Imigresen tidak dapat merekodkan bilangan mereka secara tepat memandangkan mereka tinggal dan bekerja di negara ini secara haram dan sukar dikesan. Walaubagaimanapun, sehingga 31 Mac 2008, terdapat seramai 1,445 orang PATI yang direkodkan berada di dalam tahanan di Depot Tahanan Imigresen Cawangan KLIA dan Semenyih atas pelbagai kesalahan.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang terhormat, bahawa beberapa langkah telah diambil untuk mengurangkan bilangan pekerja asing di negara ini. Antaranya ialah tidak lagi membenarkan majikan memperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara bagi pekerja asing tidak mahir yang telah bekerja selama lima tahun di Malaysia. Ini membolehkan majikan mengambil tindakan awal melatih pekerja tempatan sedia ada untuk menggantikan pekerja asing yang akan pulang ke negara asal. Kekosongan yang wujud juga boleh diisi oleh pekerja tempatan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia.

Dalam konteks hak asasi manusia, Kerajaan mengiktiraf bahawa pekerja asing mempunyai hak yang sama seperti pekerja tempatan dan berhak menikmati segala kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pekerja tempatan seperti bayaran gaji atau upah yang setara, pemberian cuti rehat yang sama dan lain-lain sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Kerja 1955.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN :** Lisan

**DARIPADA :** Tuan Nga Khor Meng  
[Taiping]

**TARIKH :** 15 Mei 2008

**SOALAN :** Tuan Nga Khor Meng [Taiping] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah rancangan dan dasar Kerajaan untuk mengatasi masalah pengimportan makanan setinggi RM13.5 (23.7) bilion setiap tahun supaya pembekal beras dan makanan lain mencapai status mapan pengeluar yang memenuhi keperluan rakyat dalam negeri.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua,**

Jumlah import bagi bahan makanan meningkat kepada RM23.4 bilion pada tahun 2007 berbanding dengan RM19.95 bilion pada tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak 17.1 peratus, manakala eksport makanan meningkat kepada RM13.7 bilion pada tahun 2007 berbanding dengan RM11.3 bilion pada tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak 21.2 peratus.

Bagi tahun 2007, antara negara-negara yang menjadi sumber import utama untuk bahan makanan adalah Indonesia berjumlah RM2.7 bilion, China berjumlah RM2.7 bilion, Thailand berjumlah RM2.6 bilion, Australia berjumlah RM2.3 bilion dan Argentina sebanyak RM2.1 bilion.

Kawalan ke atas pengimportan bahan-bahan makanan sukar dilaksanakan memandangkan tren tersebut dipengaruhi oleh faktor-faktor yang telah dikenal pasti seperti:-

- (i) permintaan oleh sektor industri perkilangan sebagai input pemprosesan produk makanan;
- (ii) perubahan cita rasa penduduk negara ini;
- (iii) permintaan bagi produk dan input yang tidak dapat dihasilkan dalam negara atas faktor agro-klimatik;
- (iv) peningkatan harga pasaran antarabangsa bagi beberapa komoditi utama dan bahan makanan haiwan; dan
- (iv) komitmen kepada liberalisasi perdagangan melalui perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa yang menghalang apa jua bentuk sekatan perdagangan ke atas produk-produk yang diimport.

**Tuan Yang DiPertua,**

Kerajaan amat sedar pergantungan kepada bahan makanan yang diimport ini dan sekiranya trend ini tidak dikawal, ia boleh mendatangkan banyak kesan. Selain daripada menggugat tahap jaminan makanan negara, ia juga menyebabkan aliran keluar wang negara di samping melemahkan usaha untuk meningkatkan sektor ini disebabkan oleh tanggapan bahawa adalah lebih murah

dan mudah untuk mengimport bahan makanan yang diperlukan berbanding dengan mengeluarkannya dalam negeri.

Menyedari hakikat ini, Kementerian sedang mempergiatkan usaha-usaha untuk meningkatkan tahap pengeluaran bahan makanan yang boleh dihasilkan dalam negeri bukan hanya setakat untuk memenuhi keperluan domestik dan meningkatkan keperluan sara diri (SSL), tetapi juga untuk tujuan eksport.

Bagi memastikan bekalan beras dalam negara sentiasa mencukupi, Kerajaan telah sedang melaksanakan beberapa strategi seperti:-

- meningkatkan penggunaan benih padi bermutu di kawasan jelapang dan bukan jelapang untuk mengeluarkan padi baik dan berhasil tinggi;
- Memulihkan tanah-tanah terbiar;
- Memperbaiki prasarana pertanian terutama pengairan dan saluran;
- menarik lebih ramai petani untuk mengusahakan sawah berskala besar; dan
- mempertingkatkan pengurusan bendang bercorak mini estet, Ladang Merdeka dan Projek Padi 10 Tan.

Kejayaan projek-projek khas bagi meningkat hasil dan produktiviti padi di kawasan Jelapang menampakkan kejayaan dengan peningkatan purata hasil sebanyak 4.4 mt/ha pada tahun 2007 berbanding dengan purata hasil nasional 3.9 mt/ha. Keluasan kawasan penanaman padi bagi projek-projek "*flag ship*" seperti Projek Padi 10 Tan meningkat dari 20,742 hektar pada tahun 2004 kepada 40,000 hektar pada tahun 2007. Begitu juga Projek Estet Padi meningkat dari 10,463 hektar kepada 28,240 hektar pada tahun 2007.

#### **Tuan Yang DiPertua,**

Bagi komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan, Kerajaan sedang melaksanakan usaha-usaha bagi meluaskan kawasan pengusahaan dan mencapai sasaran jaminan keselamatan makanan masing-masing sebanyak 89.63 peratus dan 106 peratus pada tahun 2010 melalui projek-projek berimpak besar (HIP) seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Ladang Kontrak. Sehingga kini komoditi sayur-sayuran telah mencapai 89.15 peratus, manakala komoditi buah-buahan telah mencapai 106

peratus tahap sara diri. Pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran juga meningkat kepada 2.3 juta tan metrik pada tahun 2007 berbanding dengan 2.2 juta tan metrik pada tahun 2006 iaitu kenaikan sebanyak 9 peratus.

Tahap jaminan keselamatan makanan bagi sektor perikanan disasarkan mencapai 95.2 peratus pada tahun 2010. Sejalan dengan sasaran tersebut, Kerajaan sedang giat membangunkan Zon Industri Akuakultur (ZIA) melalui program pengezonan kawasan tanah dan perairan yang dikenalpasti sesuai untuk dibangunkan dengan projek akuakultur berskala komersial bagi meningkatkan pengeluaran ikan, udang dan kerang-kerangan. Sehingga kini, sebanyak 14 projek ZIA seluas 10,145 hektar telah dibangunkan.

**Tuan Yang DiPertua,**

Dalam mempercepatkan pencapaian sasaran SSL 25.9 peratus bagi daging lembu dan 9.15 peratus bagi daging kambing menjelang 2010, Kerajaan sedang membangunkan Pusat Fidlot Nasional (NFC) di Gemas, Negeri Sembilan, dan ladang-ladang satelit di seluruh negara bagi mewujudkan sistem pengeluaran

ternakan lembu secara fidlot dengan aktiviti komersial di sepanjang rantai nilai. Sehingga kini, SSL bagi daging lembu telah mencapai 24.9 peratus manakala daging kambing mencapai 8.75 peratus.

Pada masa ini, negara telah berjaya menampung keperluan bekalan, ayam pedaging telur dan daging babi melebihi tahap SSL dengan masing-masing mencapai 121.4 peratus, 113.8 peratus dan 116.4 peratus.

**Tuan Yang DiPertua,**

Usaha-usaha juga sedang giat dijalankan untuk meningkatkan produktiviti penghasilan komoditi melalui penggunaan baka bermutu, teknologi moden dan Amalan Pertanian Baik (GAP). Aspek keselamatan makanan, peningkatan produktiviti dan penghasilan yang berkualiti adalah penting bagi memastikan para pengusaha mendapat persijilan "*Malaysia Best*" untuk bersaing di peringkat global dan mendapat pulangan yang tinggi selaras dengan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membolehkan mereka terus tinggal mapan dalam sektor pertanian ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN  
MOHAMED [SEKIJANG]  
TARIKH : 15 MEI 2008

SOALAN :

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG] MINTA  
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BERPAKAH  
PERBELANJAAN SEBENAR YANG DITANGGUNG OLEH PLUS  
BAGI PELEBARAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN DAN  
BERPAKAH PULA KOS TANGGUNGAN KERAJAAN.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KERJA-KERJA  
PEMBINAAN LORONG KETIGA DAN LALUAN TERUS TANPA  
HENTI IPOH (SELATAN)-JELAPANG TERDIRI DARIPADA KERJA-  
KERJA BERIKUT:**

- I. PEMBINAAN LORONG KETIGA DARI SEREMBAN KE  
AYER KEROH;**
- II. PEMBINAAN LORONG KETIGA DARI RAWANG KE  
SLIM RIVER; DAN**
- III. LALUAN TERUS TANPA HENTI DARI IPOH DENGAN  
PENGALIHAN PLAZA TOL JELAPANG.**

KERJA-KERJA INI MERUPAKAN KERJA-KERJA DI LUAR OBLIGASI PERJANJIAN KONSESI PLUS. WALAUBAGAIMANAPUN, OLEH KERANA LALUAN INI SERINGKALI SESAK SEMASA WAKTU PUNCAK, CUTI UMUM DAN MUSIM PERAYAAN SERTA FAKTOR KESELAMATAN.

KERAJAAN TELAH MENGARAHKAN SUPAYA KERJA-KERJA TAMBAHAN INI DILAKSANAKAN. SELAIN DARIPADA ITU, TERDAPAT JUGA PERSIMPANGAN BERTINGKAT BARU SEDANG DALAM PEMBINAAN BAGI PENGGUNA DI IPOH IAITU PERSIMPANGAN BERTINGKAT MERU RAYA. KERJA-KERJA TAMBAHAN INI TELAH BERMULA PADA TAHUN 2005 DAN KESELURUHAN KERJA-KERJA INI DIJANGKA TAMAT PADA SUKU KETIGA TAHUN 2008. JUMLAH KOS BAGI PENAMBAHBAIKAN INI ADALAH RM1.042 BILLION.

OLEH KERANA KERJA-KERJA TAMBAHAN INI MERUPAKAN KERJA-KERJA DI LUAR OBLIGASI PERJANJIAN KONSESI PLUS, MAKA KOS BAGI KERJA-KERJA INI AKAN DITANGGUNG OLEH KERAJAAN. WALAUBAGAIMANAPUN, SEBAHAGIAN DARIPADA KOS-KOS INI DIOFFSETKAN DENGAN PINJAMAN KERAJAAN DAN SELEBIHNYA DENGAN MEMBERI LANJUTAN TEMPOH KONSESI.

SEGALA KOS TAMBAHAN SEPERTI KOS PENYENGGARAAN DAN OPERASI DARIPADA PEMBINAAN LORONG KETIGA SERTA PENGALIHAN TOL JELAPANG ADALAH DITANGGUNG SEPENUHNYA OLEH PIHAK PLUS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ PUCHONG]**

**TARIKH : 15 MEI 2008 (KHAMIS)**

**SOALAN : 34**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membina satu sistem pengangkutan LRT (Light Rail Transit) ke Puchong seperti mana dijanjikan semasa pilihan raya umum ke 12, 2008.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dimaklumkan Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) sedang dalam proses akhir melantik jurutera perunding untuk reka bentuk jajaran dan stesen bagi projek laluan sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dari Stesen Sri Petaling ke USJ/Puchong dengan laluan sejauh 16 km dan 10 stesen baru.

Setelah lantikan jurutera perunding, kerja-kerja kajian tanah akan dilakukan.

Projek ini dijangka akan bermula pada akhir tahun 2008 tertakluk kepada hasil kajian tanah dan kejuruteraan.

## SOALAN NO: 35

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG  
TARIKH : 15 MEI 2008  
SOALAN :

Y.B. PUAN CHONG ENG [ Bukit Mertajam ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing supaya tidak menjejaskan peluang pekerjaan rakyat sendiri.

PR-1211-L11368

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kebenaran penggajian pekerja asing di Negara ini adalah untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di industri-industri di pelbagai sektor dalam Negara. Sehingga sekarang jumlah pekerja asing yang berada di dalam Negara ini telah mencecah angka 2.12 juta orang. Untuk memastikan bahawa kehadiran pekerja asing ini tidak menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan, Kementerian Sumber Manusia akan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan bilangan pekerja asing. Antara langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut :-

- a) Mengetatkan pemakaian syarat yang mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam sistem ELX dan mengambil calon-calon yang sedia berdaftar di dalamnya sebelum permohonan untuk menggajikan pekerja asing boleh dipertimbangkan.

- b) Menetapkan siling penggajian pekerja asing mengikut sektor berasaskan keperluan sebenar majikan dan Negara.
- c) Mengkaji semula amalan *outsourcing* dalam penggajian bagi mengelakkan penyelewengan dan lambakan pekerja asing di dalam pasaran pekerjaan.
- d) Meningkatkan kadar levi yang dikenakan serta meletakkan tanggungjawab pembayaran levi, yang sekarang ini ditanggung oleh pekerja asing ke atas majikan bagi tujuan mengurangkan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan.
- e) Mewujudkan peruntukan undang-undang yang mensyaratkan majikan terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Kementerian Sumber Manusia sebelum memohon pekerja asing bagi membolehkan Kementerian mengkaji dan menentukan keperluan sebenar majikan untuk menggaji pekerja asing.
- f) Menetapkan supaya sektor-sektor pekerjaan tertentu seperti hotel dan lapangan terbang hanya diisi oleh pekerja tempatan sahaja.
- g) Menggalakkan industri-industri yang berintensifkan buruh meningkatkan penggunaan teknologi dan automasi dalam operasi mereka. Sehubungan dengan ini program latihan kemahiran akan dipertingkatkan bagi menyediakan tenaga kerja tempatan yang akan diperlukan oleh industri ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD TAIB (BALING)**  
**TARIKH : 15.5.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN TAIB AZAMUDDIN BIN MD TAIB (BALING)** minta Menteri Pelajaran menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula keberkesanan sistem pengajian Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang nyata melemahkan lagi prestasi pelajar-pelajar luar bandar untuk terus bersaing dengan pelajar-pelajar di bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kohort pertama murid sekolah rendah yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) yang mula diperkenalkan pada tahun 2003 akan mengambil UPSR pada tahun ini (2008). Oleh yang demikian, prestasi pencapaian mereka yang sebenar hanya dapat dilihat setelah mereka menduduki UPSR pada bulan Oktober ini.

Bagi murid yang mengambil PMR pula, mereka telah mengikuti PPSMI sejak dari Tingkatan Satu. Berdasarkan keputusan PMR tiga tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2007, pelaksanaan PPSMI terbukti tidak menjejaskan pencapaian murid dalam kedua-dua mata pelajaran. Sebagai contoh, dalam mata pelajaran Matematik, peratus kelulusan (mendapat gred A,B,C dan D) meningkat daripada 84.1 % (2005) kepada 87% (2007). Prestasi

murid yang mendapat A juga meningkat daripada 21.2% (2005) kepada 25.5% (2007). Bagi mata pelajaran Sains pula peratus kelulusan juga stabil iaitu di sekitar 90% untuk tiga tahun berturut-turut. Begitu juga yang mendapat gred A di sekitar 17% untuk tahun 2005, 2006 dan 2007.

Kerajaan sedar dengan pengenalan dasar baru ini pada tahun 2003 akan menghadapi banyak cabaran, tetapi ia amat diperlukan demi kepentingan masa depan negara. KPM juga telah menjangkakan pelbagai rintangan dan kelemahan yang bakal dihadapi terutamanya pada peringkat awal pelaksanaan. Ini kerana pengajaran di bilik darjah memerlukan perubahan dari segi kemahiran dan amalan. Kedua-dua ini memerlukan masa dan usaha untuk guru dan murid membiasakan dengan penggunaan bahasa Inggeris. Pada masa ini pelaksanaan PPSMI baru memasuki tahun ke enam. Bagi sebahagian guru yang mengajar Tahun 5 dan Tingkatan 5, mereka baru melalui perubahan ini selama setahun. Manakala bagi guru-guru yang mengajar di Tahun 6, ini merupakan pengalaman pertama mereka. KPM yakin bahawa apabila guru telah semakin yakin dan cekap, pelaksanaan di bilik darjah akan bertambah mantap.

Sehubungan dengan itu, KPM akan membuat penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI secara menyeluruh khususnya bagi kohort Tahun 6 yang mengambil UPSR tahun ini (2008) kerana kohort ini telah mengikuti PPSMI selama 6 tahun iaitu mulai dari Tahun 1 (2003). Penilaian ini dibuat sebanyak dua kali setahun untuk melihat tahap pelaksanaan, pencapaian dan kemajuan secara berkala murid-murid, dari segi penguasaan bahasa Inggeris dengan mengambil kira data daripada setiap sekolah dan guru di seluruh negara. Dapatan penilaian ini akan digunakan untuk KPM membuat keputusan berkaitan pelaksanaan PPSMI sama ada diteruskan atau membuat penambahbaikan demi untuk memantapkan lagi dasar ini.

**RAHSIA**

**PM (S) 14881/1 Jld 28 ( )**

**SOALAN NO : 37**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN LISAN**

**TARIKH : 15 Mei 2008**

**SOALAN :**

**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa banyak jet-jet eksekutif yang dimiliki oleh Kerajaan secara langsung atau tidak langsung, kos untuk setiap jet tersebut, kos untuk setiap jam penerbangan yang dilakukan dan menyediakan senarai individu yang menggunakan setiap jet tersebut sejak 2004 sehingga 8 April 2008.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

**Kerajaan memiliki empat (4) buah Jet Eksekutif. Kos untuk setiap jet tersebut serta kos untuk setiap jam penerbangan adalah seperti berikut:-**

<b>BIL</b>	<b>PESAWAT</b>	<b>TAHUN DIBELI</b>	<b>HARGA ASAL</b>	<b>KOS SATU JAM</b>
1	Fokker F28	1975	DFL16,672,600.00 (RM18,339,860.00)	RM17,404.58
2	Falcon DA900	1989	RM57,658,500.00	RM16,721.39
3	Global Express BD700	1996	USD40,216,500.00	RM12,135.75

## **RAHSIA**

<b>BIL</b>	<b>PESAWAT</b>	<b>TAHUN DIBELI</b>	<b>HARGA ASAL</b>	<b>KOS SATU JAM</b>
<b>4</b>	<b>Boeing Business Jet BBJ737</b>	<b>2003</b>	<b>USD35,000,000.00</b>	<b>RM19,643.50</b>

Senarai individu yang menggunakan setiap jet tersebut sejak 2004 sehingga 8 April 2008 adalah:

### **Tahun : 2004**

- 1. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong**
- 2. DYMM Sultan Pahang**
- 3. DYMM Sultan Kedah**
- 4. DYMM Sultan Kelantan**
- 5. DYMM Sultan Terengganu**
- 6. YAB Perdana Menteri**
- 7. YAB Timbalan Perdana Menteri**
- 8. YABhg Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Bekas Perdana Menteri**

### **Tahun : 2005**

- 1. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong**
- 2. DYMM Sultan Pahang**
- 3. DYMM Sultan Kedah**
- 4. DYMM Sultan Kelantan**
- 5. DYMM Sultan Terengganu**
- 6. YAB Perdana Menteri**
- 7. YAB Timbalan Perdana Menteri**
- 8. YABhg Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Bekas Perdana Menteri**

## **RAHSIA**

### **Tahun : 2006**

1. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
2. DYMM Sultan Pahang
3. DYMM Sultan Kedah
4. DYMM Sultan Kelantan
5. DYMM Sultan Terengganu
6. YAB Perdana Menteri
7. YAB Timbalan Perdana Menteri
8. YABhg Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Bekas Perdana Menteri

### **Tahun : 2007**

1. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
2. DYMM Sultan Pahang
3. DYMM Sultan Kedah
4. DYMM Sultan Kelantan
5. DYMM Sultan Terengganu
6. YAB Perdana Menteri
7. YAB Timbalan Perdana Menteri
8. YABhg Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Bekas Perdana Menteri

### **Tahun : Setakat April 2008**

1. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong
2. DYMM Sultan Pahang
3. DYMM Sultan Kedah
4. DYMM Sultan Kelantan
5. YAB Perdana Menteri
6. YAB Timbalan Perdana Menteri
7. YABhg Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Bekas Perdana Menteri

SOALAN NO: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**  
**TARIKH : 15 MEI 2008**  
**RUJUKAN : 885**

**Soalan:**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah pembaharuan yang akan dilaksanakan di dalam PDRM. Apakah Kerajaan akan menubuhkan IPCMC sebagaimana yang dicadangkan oleh Suruhanjaya DiRaja atas Penambahbaikan Polis.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat inisiatif untuk menambahbaik pasukan tersebut menjadi sebuah badan penguatkuasa undang-undang utama negara agar kesejahteraan dan keamanan negara ini sentiasa berkekalan. Ke arah ini, PDRM telah merangka Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T) 2007-2011 dengan tumpuan teras utama kepada pemantapan intergriti pegawai polis, meningkatkan kualiti perkhidmatan polis dan menangani masalah peningkatan jenayah dan kebimbangan masyarakat mengenai jenayah.

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), Kerajaan telah memutuskan untuk menarik semula Rang Undang-Undang Suruhanjaya Aduan Khas 2007 (*Special Complaint Commission*) yang telah dibaca untuk kali pertama di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN JOHARI BIN ABDUL**  
**(SG.PETANI)**  
**TARIKH : 15.5.2008**  
**SOALAN :**

**Tuan Johari Bin Abdul (Sg.Petani) minta MENTERI KESIHATAN**  
menyatakan :

- i. adakah hospital-hospital swasta dibenarkan untuk mengambil darah dari Tabung Darah Hospital Kerajaan. Jika dibenarkan adakah mereka dikenakan bayaran untuk pengambilan ini; dan
- ii. berapakah kos sebenar yang ditanggung oleh Kerajaan dalam proses mengambil darah dari penderma, kos membuat siasatan, kos menyimpan dan lain-lain kos untuk setiap *pint* darah yang diambil.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- i. Hospital-hospital swasta adalah dibenarkan untuk mengambil darah dari Tabung Darah Hospital Kerajaan setelah mereka menandatangani perjanjian pembekalan darah antara Kerajaan Malaysia dengan hospital swasta. Surat arahan untuk prosedur ini adalah sebagaimana yang diedarkan kepada pengarah-pengarah Jabatan Kesihatan Negeri pada November 2005. Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) di setiap negeri akan menyelaraskan urusan menandatangani dokumen tersebut di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta yang terlibat. Caj perkhidmatan yang berjumlah RM20.00 dikenakan bagi pembekalan satu unit darah dan produk darah kepada pihak swasta. Caj ini dikenakan oleh Tabung Darah Hospital Kerajaan bertujuan untuk menampung kos-kos pengendalian produk darah, menjalankan ujian saringan darah seperti ujian untuk Hepatitis B, Hepatitis C, *HIV* dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- ii. Kos keseluruhan bagi memproses setiap *pint* darah adalah berjumlah RM 162.62 (Rujukan : *Analisa data 2007 oleh Pusat Darah Negara*).

### Butiran Pecahan Kos Pemprosesan Darah Setiap 'Pint'

<b>Perkara</b>	<b>Kos (RM)</b>
Proses mengambil darah dari penderma	19.95
Ujian penyiasatan	26.27
Penyimpanan	11.00
Proses pemecahan komponen	76.64
Utiliti (gaji pekerja, makanan untuk penderma dsb)	28.76
<b>Kos Keseluruhan</b>	<b>162.62</b>

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA  
[BACHOK]**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN**

**Y.B. Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan atas alasan apa dan peruntukan undang-undang manakala yang digunakan untuk PETRONAS tidak perlu membayar zakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 membayar cukai pendapatan perniagaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan cukai pendapatan petroleum seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007, PETRONAS telah membayar cukai pendapatan perniagaan dan cukai pendapatan petroleum sebanyak RM21.8 billion. Semenjak mula beroperasi sehingga tahun kewangan tersebut, PETRONAS telah membayar cukai pendapatan petroleum berjumlah RM151.6 billion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja akan ditubuhkan untuk menyiasat pencabulan hak asasi manusia dan penyalahgunaan kuasa serius bermula dengan penahanan besar-besaran Operasi Lalang 1987 dan penutupan empat surat khabar agar ianya tidak berulang.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur sering membangkitkan cadangannya agar ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat kejadian Operasi Lalang 1987. Bahkan cadangan ini dibangkitkan hampir-hampir setiap kali Dewan yang mulia ini bersidang.

Saya kira kejadian tersebut telah pun disiasat dan diteliti secara meluas oleh pelbagai pihak. Pelbagai cadangan dan rumusan telah pun dikemukakan. Apa yang penting adalah supaya kita belajar daripada kejadian masa lampau dan mengambil langkah-langkah bagi memperkukuhkan lagi demokrasi berparlimen kita. Institusi-institusi demokrasi kita harus diperkuatkan dan dibina upaya supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan lagi, sejajar dengan kemajuan serta pembangunan negara dan masyarakat kita. Yang penting kita melangkah maju ke hadapan dan bukan selalu menuding jari serta menoleh ke belakang melihat kejadian dahulu. Hanya dengan cara itu kita dapat terus maju dan membangun dan tidak mengulangi kejadian masa lampau. Dengan itu, Kerajaan berpendapat Suruhanjaya Siasatan DiRaja di dalam hal ini tidak diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**  
**TARIKH : 15.5.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah bilangan guru mencukupi dalam mengimbangi dan memajukan pendidikan luar bandar berdasarkan peruntukan tambahan RM2.6 bilion bagi pembangunan pendidikan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini bilangan guru di luar bandar adalah mencukupi yang mana perkiraan norma jawatan yang digunakan sekarang untuk sekolah rendah ialah 1.5n guru untuk satu kelas yang dibuka dan 1.7n untuk sekolah menengah Tingkatan 1 – Tingkatan 5. Manakala bagi Tingkatan 6 norma perjawatan adalah 2.5n. Selain daripada itu, terdapat tambahan norma 0.5 untuk kelas matapelajaran Vokasional dan Teknikal dan 0.2 untuk kelas matapelajaran amali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan guru sekolah rendah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2010 dianggarkan berjumlah 220,170 orang, manakala bagi sekolah menengah pula dianggarkan berjumlah 151,980 orang. Bagi menampung keperluan tersebut, sebanyak 38,640 calon guru sekolah rendah dan 29,750 calon guru sekolah menengah

akan dilatih bagi ambilan 2007 hingga 2010 melalui beberapa program latihan yang telah dirancang.

Rjm55

**SOALAN NO. 43****PEMBERITAHU PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. DATUK HAJI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN  
**KAWASAN** : PASIR SALAK  
**TARIKH** : 15.05.2008 (KHAMIS)

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK HAJI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membawa perindustrian ke luar bandar supaya peluang-peluang ekonomi seperti pekerjaan dan perniagaan dapat dinikmati secara saksama oleh rakyat.

**Jawapan:**

Tuan Yang Di Pertua,

Antara langkah-langkah yang diambil bagi membangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju adalah melalui pemberian Insentif-insentif seperti berikut:

- Insentif dalam bentuk Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan bagi aktiviti perkilangan, pertanian, hotel dan pelancongan yang dijalankan di kawasan yang digalakkan iaitu Koridor Timur

**Semenanjung Malaysia** (Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor), **Perlis**, **Sabah** dan **Sarawak**. Insentif yang diberikan adalah:

- **Taraf Perintis** dengan **pelepasan cukai 100 peratus untuk 5 tahun**; atau
  - **Elaun Cukai Pelaburan** sebanyak **100 peratus** daripada **perbelanjaan modal yang layak** yang ditanggung dalam tempoh **5 tahun**. Elaun ini boleh **ditolak** dengan **100 peratus** daripada **pendapatan berkanun** bagi **setiap tahun taksiran**.
- **Insentif kepada syarikat sedia ada** untuk **memindahkan operasi** ke **Koridor Timur Semenanjung Malaysia**, **Perlis**, **Sabah** dan **Sarawak**. Insentif yang disediakan adalah:
- **Taraf Perintis** dengan **pelepasan cukai 100 peratus untuk 5 tahun**; atau
  - **Elaun Cukai Pelaburan** sebanyak **100 peratus** daripada **perbelanjaan modal yang layak** yang ditanggung dalam tempoh **5 tahun**. Elaun ini boleh **ditolak** dengan **100 peratus** daripada **pendapatan berkanun** bagi **setiap tahun taksiran**.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK9), **penekanan** dibuat kepada **pembangunan wilayah yang seimbang**. Dalam pada itu, Kerajaan memberi peruntukan sebanyak **RM5.8 bilion** untuk pembangunan **projek-projek infrastruktur luar bandar**. Pelaksanaan

projek-projek ini akan menjadikan kawasan luar bandar lebih menarik sebagai lokasi Industri tempatan.

Antara lain, Kerajaan sedang membangunkan Infrastruktur Industri kelapa sawit dan oleokimia, Industri perikanan, Industri akuakultur, industri agro-bio, industri makanan dan Industri berasaskan sumber lain.

Malah, sebanyak RM429.8 juta telah diperuntukkan di bawah RMK9 kepada Kerajaan Tempatan untuk projek-projek menaiktaraf infrastruktur asas di kawasan-kawasan perindustrian, termasuk di kawasan luar bandar.

Bagi mempromosikan produk industri yang berlokasi di luar bandar pula seminar-seminar serta pameran-pameran telah diadakan, misalnya Pameran Industri Herba pada Januari 2008.

Untuk memperkemaskan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di peringkat Daerah, Unit Pelaksanaan Industri Daerah (District Industry Implementation Unit – DIIU) ditubuhkan di beberapa kawasan perindustrian termasuk kawasan luar bandar untuk memudahkan dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan. DIIU telah berjaya mempertingkatkan keberkesanan sistem pelaksanaan projek perkilangan dan perkhidmatan di peringkat daerah atau Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Keprihatinan Kerajaan kepada pembangunan kawasan luar bandar juga dimanifestasikan dengan pelancaran koridor pembangunan dengan objektif utama untuk menangani ketidakselimbangan sosioekonomi dengan menggariskan strategi yang memberi tumpuan kepada pembangunan perindustrian kawasan luar bandar. Pembangunan koridor ini bertujuan untuk mencapai keselimbangan pembangunan melalui usaha yang lebih bersepadu dan terselaras, dan seterusnya menjana aktiviti-aktiviti ekonomi agar dapat dinikmati oleh rakyat selagat.

Koridor-koridor pembangunan tersebut telah memperkenalkan pakej-pakej insentif tambahan, seperti pengecualian cukai korporat, kebenaran mendapatkan sumber modal asing dan kelonggaran syarat pengambilan pekerja mahir asing.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk suatu Suruhanjaya DiRaja bagi menyiasat isu penyalahgunaan kuasa oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam peranan beliau dalam krisis kehakiman pada tahun 1988 yang menyebabkan pemecatan Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas, Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh dan Datuk George Seah dan juga peranan Tun Dr. Mahathir dalam mengarahkan 'Operasi Lalang'.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat isu-isu tersebut. Kerajaan tidak ingin menghabiskan masa sekadar untuk memanjangkan permainan politik pihak pembangkang. Kerajaan ingin memenuhi mandat rakyat dengan mengambil langkah-langkah konkrit ke arah memperkasakan negara seperti memperkukuhkan institusi kehakiman. Lebih elok kita berganding bahu dan melangkah ke hadapan dan bukan menuding jari dan menoleh ke belakang.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING  
[ SERDANG ]

BERTARIKH : 15 MEI 2008

SOALAN :

PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] MINTA  
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN SAMA  
ADA KEMENTERIAN MENYEDARI KESERIOUSAN  
MASALAH KESESAKAN LALU LINTAS JALAN  
BESAR DI KAWASAN SERDANG DAN LANGKAH –  
LANGKAH JANGKA PENDEK DAN PANJANG  
UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, KEMENTERIAN KERJA RAYA MEMANG MEMANDANG SERIUS TERHADAP MASALAH KESESAKAN LALU LINTAS DI KAWASAN SERDANG. JUSTERU PIHAK KEMENTERIAN KERJA RAYA MELALUI JABATAN KERJA RAYA SEDANG MELAKSANAKAN PROJEK MENAIKTARAF PERSIMPANGAN JALAN SERDANG RAYA / JALAN PUCHONG - SG. BESI DENGAN KOS PEMBINAAN BERJUMLAH RM15 JUTA. STATUS SEMASA PROJEK TERSEBUT ADALAH MENCAPAI KEMAJUAN FIZIKAL 25%. DALAM PADA ITU JUGA, PIHAK KEMENTERIAN TELAH MENCADANGKAN PELAKSANAAN SATU PROJEK DI DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9 DI KAWASAN SERDANG DI**

**BAWAH TAJUK: CADANGAN MENAIKTARAF  
LALUAN 3215, SERI KEMBANGAN, SELANGOR.  
SKOP KERJA BAGI PROJEK TERSEBUT IALAH  
MENAIKTARAF JALAN SEPANJANG 7 KM DARI  
PERSIMPANGAN JALAN BESAR SERI  
KEMBANGAN SEHINGGA KE LEBUHRAYA LDP.  
KOS PROJEK TERSEBUT IALAH RM40 JUTA.  
PELAKSANAAN PROJEK INI ADALAH  
TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN PIHAK  
KERAJAAN.**

NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI ( LEDANG )**  
**TARIKH** : **15.05.2008 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : **3/46**

**IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI ( LEDANG )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah sebab-sebab utama kenaikan harga barang sekarang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kenaikan harga barangan adalah berpunca dari pelbagai faktor yang bukan sahaja faktor dalaman tetapi juga pelbagai faktor luaran yang di luar kawalan Kerajaan. Antara faktornya adalah kenaikan harga bahan asas yang diimport, penawaran permintaan barangan dan manipulasi pasaran. Di samping itu, keadaan cuaca yang tidak menentu di negara pengeluar utama juga mendorong kepada berlakunya kekurangan bekalan komoditi tersebut.

Peningkatan kos pengeluaran makanan yang disebabkan oleh kenaikan komponen utama input pertanian seperti baja, benih, makanan ternakan dan racun perosak juga menyumbang kepada kenaikan harga barangan. Kecenderungan negara-negara tertentu menggunakan bahan makanan

bijirin seperti gandum, jagung, soya dan barli untuk dijadikan *bio-fuel* menyumbang kepada kekurangan bekalan dan sekaligus memberi kesan kepada harga barangan.

Di samping itu, kos pengangkutan yang tinggi disebabkan oleh kenaikan harga minyak juga merupakan satu faktor menyumbang kepada kenaikan harga barangan.

**DISEDIAKAN OLEH**

Nama : Encik Syamsul Badrin bin Mohshin,  
Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan  
(Tel : 8882 5706)

**DISELARAS SEMULA OLEH** :  
Nama :

Hj. Mokhtar bin Hj Sulaiman,  
Setiausaha Bahagian,  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan.

**DILULUSKAN OLEH** :  
Nama :

Y. Bhg. Dato' Mohd. Zain bin Mohd. Dom,  
Ketua Setiausaha.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN  
(SEPANGGAR)  
TARIKH : 15 MEI 2008

**SOALAN**

Beliau meminta Perdana Menteri Malaysia menyatakan sama ada Mahkamah-Mahkamah Majistret bergerak akan dipanjangkan ke seluruh Negara dan jumlah pendengaran yang telah dijalankan oleh Mahkamah-Mahkamah Majistret bergerak bagi daerah-daerah di Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah-Mahkamah Majistret Bergerak telah diadakan di Sabah dan Sarawak bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul akibat ketiadaan sistem perhubungan jalan raya yang sempurna yang membolehkan penduduk-

penduduk di pedalaman mendapatkan perkhidmatan yang diberikan oleh Mahkamah. Perkhidmatan yang dimaksudkan di sini adalah perkhidmatan-perkhidmatan yang tiada berkait secara langsung dengan perjalanan perbicaraan dan penyelesaian kes-kes jenayah dan sivil. Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan adalah permohonan kelewatan pendaftaran kelahiran, permohonan kelewatan pendaftaran kad pengenalan, pembaharuan dan pertukaran kad pengenalan, perakuan bersumpah, pengesahan dokumen serta lain-lain perkhidmatan yang lebih bersifat perkhidmatan sosial seperti melayani pertanyaan berkaitan prosedur mahkamah.

Buat masa ini tiada sebarang cadangan untuk Mahkamah-Mahkamah Majistret bergerak dipanjangkan ke seluruh Negara memandangkan daerah-daerah di Semenanjung Malaysia tidak mempunyai masalah sistem perhubungan jalan raya yang serius seperti mana yang di hadapi di sebahagian kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.

Di Semenanjung Malaysia penumpuan yang lebih telah diberikan kepada pembicaraan dan penyelesaian kes-kes di Mahkamah.

Bagi jumlah pendengaran yang telah dijalankan, sukacita dimaklumkan di sini Mahkamah-Mahkamah Majistret Bergerak ini tidak berfungsi sepenuhnya seperti mana Mahkamah-Mahkamah Majistret di daerah-daerah. Mahkamah-Mahkamah Majistret Bergerak ini lebih kepada memberikan perkhidmatan seperti mana yang disediakan oleh mana-mana Mahkamah Majistret kecuali pendaftaran, pendengaran dan penyelesaian kes-kes. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat senarai perkhidmatan dan jumlah yang telahpun dijalankan adalah seperti di lampiran A.

Statistik Untuk Mahkamah Bergerak Bagi Seluruh Sarawak  
Bagi Tahun 2007

Bil	Perkhidmatan/ Jenis Kes Yang Dikendalikan	Sri Aman	Sarike	Sibu	Mukah	Bintulu	Miri	Limbang	Jumlah
1	Permohonan Kelewatan Pendaftaran Kelahiran	190	9	87	0	0	323	0	609
2	Permohonan Kelewatan Pendaftaran / Pembaharuan/ Pertukaran Kad Pengenalan	54	9	0	1	0	55	0	119
3	Hal-Hal Kekeluargaan	17	1	2	1	0	7	0	28
4	Hal-Hal Tanah	2	1	3	6	7	5	0	24
5	Kes-Kes Jenayah	0	3	0	0	0	0	0	3
6	Kes-Kes Sivil ( Tuntutan Kecil )	0	0	0	0	0	0	0	0
7	Kes-Kes Trafik	0	1	0	0	0	0	0	1
8	Peraturan Bersumpah	58	10	0	2	2	550	21	643
9	Pengesahan Dokumen	0	1	0	2	2	85	2	92
10	Probat Senatapi	0	9	0	0	0	0	0	9
	Jumlah Besar	321	44	92	12	11	1025	23	1528

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk pembangunan yang akan dirancang bagi membangunkan kawasan-kawasan yang tidak diliputi oleh kawasan pembangunan koridor seperti negeri Melaka dan Negeri Sembilan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), inisiatif koridor-koridor pertumbuhan telah ditubuhkan sebagai salah satu daripada pendekatan baru bagi menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negara ini. Pelaksanaan pelan pembangunan koridor pertumbuhan ini diharap akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memesatkan lagi pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan berkenaan. Dalam hal ini, walaupun terdapat kawasan-kawasan yang tidak termasuk dalam mana-mana koridor pembangunan, seperti Negeri Melaka dan Negeri Sembilan, tetapi ianya tidaklah

bermakna negeri atau kawasan tersebut tidak diberi perhatian langsung oleh Kerajaan dan ketinggalan pula dari segi pembangunan. Walaupun Melaka dan Negeri Sembilan, atau mana-mana kawasan sekalipun yang tidak termasuk dalam mana-mana koridor pembangunan, ia tetap mendapat peruntukan dan projek-projek sedia ada di dalam RMKe-9.

Dalam RMKe-9, Negeri Melaka dan Negeri Sembilan telah disediakan peruntukan pembangunan sebanyak masing-masing RM3.9 bilion dan RM9.0 bilion. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 12.3 peratus bagi Melaka dan 60.3 peratus bagi Negeri Sembilan berbanding apa yang diperolehi dalam tempoh Rancangan sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan di sesuatu negeri atau kawasan yang terletak di luar mana-mana koridor pembangunan juga adalah bergantung kepada perancangan yang telah ditetapkan oleh Pelan Induk pembangunan negeri masing-masing. Dalam hal ini, jika ada cadangan oleh mana-mana pihak ataupun Kerajaan Negeri sendiri untuk membangunkan dan memajukan sesuatu kawasan yang belum mencapai tahap kemajuan yang difikirkan sewajarnya maka cadangan ini perlu dikaji terlebih dahulu dan jika bersesuaian, akan dipertimbangkan dalam penyediaan rancangan pembangunan negara selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ  
(SRI GADING)**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pendapatan isi rumah serta taraf hidup rakyat mengikut pecahan kaum di bandar dan luar bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut perangkaan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) tahun 2007 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran pendapatan purata isi rumah kasar bulanan di Malaysia ialah sebanyak RM3,686. Anggaran pendapatan purata isi rumah di kawasan bandar ialah sebanyak RM4,356 sebulan manakala pendapatan purata isi rumah di kawasan luar bandar, RM2,283 sebulan. Pecahan pendapatan isi rumah mengikut kumpulan etnik pula ialah, Bumiputera RM3,156 sebulan, kumpulan etnik Cina RM4,853 sebulan dan kumpulan etnik India RM3,799 sebulan. Anggaran pendapatan isi rumah mengikut

kumpulan etnik bagi kawasan bandar dan luar bandar adalah seperti berikut.

Pendapatan purata isi rumah bulanan untuk Bumiputera di bandar ialah RM3,912 dan luar bandar RM2,182. Untuk etnik Cina pula, sebanyak RM5,092 untuk bandar dan RM3,113 untuk luar bandar manakala etnik India di bandar sebanyak RM4,029 dan luar bandar pula RM2,384.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat dan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum. Dalam hubungan ini, Kerajaan terus memberi penekanan bagi meningkatkan liputan kemudahan infrastruktur asas untuk dinikmati oleh semua rakyat sama ada di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar dalam usaha memakmurkan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Kemudahan tersebut adalah seperti bekalan elektrik, bekalan air paip, perumahan rakyat serta perkhidmatan kesihatan. Berdasarkan perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia, liputan unit rumah yang mendapat manfaat daripada bekalan elektrik di kawasan luar bandar pada tahun 2006 telah meningkat kepada 93.3 peratus manakala liputan bekalan air paip pula meningkat kepada 95.2 peratus bagi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

NO: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN MOHD. NIZAR BIN ZAKARIA ( PARIT )**  
**TARIKH** : **15.05.2008 (KHAMIS)**  
**SOALAN** : 8/ 50

**TUAN MOHD. NIZAR BIN ZAKARIA ( PARIT )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kenaikan harga barangan keperluan dianggap masalah global di peringkat negara dan antarabangsa. Apakah usaha yang dapat diambil bagi membendung kenaikan harga barangan keperluan harian daripada terus dimainkan harganya secara senyap-senyap.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Menangani isu kenaikan harga barang adalah merupakan agenda utama Kerajaan. Langkah yang telah diambil bagi menangani isu ini adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit.

Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 9 jenis barang kawalan iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, susu pekat manis,

roti (*standard white loaf*), ayam, minyak masak dan simen masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatat dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam DiRaja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. TUAN LIAN TECK MENG  
(SIMPANG RENGAM)  
TARIKH : 15 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah dakwat hitam akan digunakan pada Pilihan Raya Umum yang akan datang atau akan digantikan dengan kaedah lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama SPR hendak melaksanakan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mempertingkatkan lagi ketelusan di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Ini kerana terdapat dakwaan-dakwaan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa ada pengundi-pengundi yang akan cuba mengundi lebih dari

sekali. Justeru itu, dengan penggunaan dakwat kekal ia dapat mengelakkan mana-mana pihak untuk mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, persiapan awal yang sewajarnya untuk melaksanakan cadangan penggunaan dakwat kekal telah dibuat oleh SPR.

Namun demikian, cadangan untuk melaksanakan penggunaan dakwat kekal tersebut terpaksa ditarik balik oleh SPR kerana ianya melibatkan dua isu iaitu isu keselamatan dan ketenteraman awam serta isu perundangan. Bagi isu keselamatan, laporan pihak keselamatan memberi gambaran ada percubaan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang telah memperolehi bekalan dakwat kekal daripada negara jiran untuk mensabotaj kaedah tersebut. Mereka telah merancang mengeksploitasikan penggunaan dakwat kekal dengan memujuk pemilih-pemilih terutamanya dari masyarakat luar bandar dan pedalaman supaya terlebih dahulu mencalit dakwat kekal di atas kuku masing-masing sebelum hari mengundi. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini boleh menyebabkan timbul ketegangan disaluran-saluran mengundi. Jika perkara ini berlaku di seluruh negara, pihak polis tidak mampu untuk mengawal keselamatan sehingga boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam serta huru-hara akan berlaku pada hari mengundi.

Mengenai isu perundangan, ianya melibatkan Peruntukan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan telah menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi. Ini bermakna hak ini tidak boleh dinafikan kecuali pemilih berdaftar itu, telah hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang. Undang-undang yang memperuntukkan selainnya adalah *Ultra vires* Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bermakna bahawa seseorang yang kukunya telah dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapat kertas undi. Situasi sebegini tidak memberikan sebarang makna kerana ianya tidak dapat menepati kehendak sebenar SPR untuk menghalang pemilih-pemilih mengundi lebih daripada sekali. Atas sebab-sebab di atas kabinet pada mesyuaratnya pada 13 Februari 2008 telah tidak meluluskan draf undang-undang untuk SPR melaksanakan kaedah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah menolak cadangan untuk memperkenalkan kaedah penggunaan dakwat kekal dan masih bersetuju untuk melaksanakan kaedah tersebut, jika masalah

undang-undang dan keselamatan yang dinyatakan di atas dapat diatasi. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi pandangan dan buah fikiran untuk membolehkan SPR melaksanakan kaedah ini.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ]

TARIKH : 15 MEI 2008

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam memulih kembali sungai yang tercemar. Sejauh manakah perkembangan projek 'satu negeri satu sungai' yang dijalankan. Berapakah kos perbelanjaan pemulihan itu.

## JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah pencemaran sungai termasuk :-

- (i) Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya di mana syarikat dan kilang yang gagal mematuhi undang-undang dikenakan tindakan keras;
  
- (ii) Melaksanakan program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Pertanian untuk mempertingkatkan kualiti air sungai. Antara tindakan yang diambil di bawah program ini termasuk mengarah dan menghendaki syarikat dan kilang yang terletak berhampiran dengan sungai supaya memasang dan mengendali kelengkapan kawalan pencemaran seperti

perangkap sampah. Sejumlah 168 perangkap sampah telah dipasangkan di 112 lembangan sungai dan kesan daripada langkah ini jumlah sampah yang dikutip setiap hari memang banyak; dan

- (iii) Mempertingkatkan aktiviti kesedaran dan pendidikan alam sekitar di samping memberi khidmat nasihat dan mengadakan sesi dialog dengan pihak industri bagi membantu mereka menyelesaikan masalah dan mematuhi peruntukan undang-undang. Pada tahun 2007 sebanyak 155 dialog, 108 pameran dan 10 gotong royong telah diadakan.

Program Satu Negeri Satu Sungai adalah program yang bertujuan untuk memulih dan mengembalikan sungai dan sekitarnya yang telah tercemar atau rosak (degraded river) hampir kepada keadaan semulajadi. Kementerian berpuas hati dengan program ini yang berjalan lancar mengikut jadual pelaksanaannya.

Peruntukan untuk program ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 adalah sebanyak RM76 juta dan sehingga tahun 2007 sejumlah RM14 juta telah dibelanjakan untuk program ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA: TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI  
(KAPIT)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 15.05.2008

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sebab mengapa cukai pendapatan peribadi masih tidak dapat diturunkan dari tahap yang tinggi, seperti yang sedia ada kepada tahap yang lebih rendah, bagi mempertingkatkan lagi 'nett disposable incomes of households'.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa akan mengkaji struktur cukai pendapatan individu dan juga pelepasan-pelepasan yang dibenarkan bagi meringankan beban pembayar cukai. Walaupun kadar cukai pendapatan individu tidak diturunkan, Kerajaan telah memberi dan meningkatkan pelbagai pelepasan cukai sehinggakan pada masa ini individu bujang yang berpendapatan bulanan tidak melebihi RM2,230 tidak membayar cukai pendapatan.

Bagi yang berkahwin dan mempunyai seorang anak, beliau tidak tertakluk kepada cukai pendapatan sekiranya mempunyai pendapatan bulanan tidak melebihi RM3,297.

Menurut statistik, hanya 1.1 juta orang (11.1%) sahaja daripada jumlah tenaga kerja seramai 10.3 juta orang pada tahun 2006 yang membayar cukai pendapatan. Ini adalah merupakan 48.0% daripada 2.4 juta pembayar cukai yang mengemukakan borang cukai pendapatan. Selain dari itu, hanya 31,000 orang (2.72%) sahaja daripada pembayar cukai individu tertakluk kepada kadar cukai marginal tertinggi 28%. Peratusan yang rendah ini menunjukkan bahawa Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang bersifat kebajikan yang mana tidak ramai tenaga kerja di negara ini berada dalam 'tax net'.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH  
BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**  
**TARIKH : KHAMIS, 15 MEI 2008**  
**RUJUKAN : 011**  
**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :**

- a. Berapakah jumlah keluarga setinggan yang masih wujud di Lembah Pantai dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan jumlah tersebut; dan
- b. Apakah kriteria dan garis panduan yang digunakan oleh DBKL dalam menentukan kelayakan permohonan membeli atau menyewa rumah yang dikendalikan DBKL.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, sejumlah **1,050** keluarga setinggan masih terdapat di kawasan Lembah Pantai. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil langkah memprogramkan

pemindahan semua keluarga setinggan tersebut ke Program Perumahan Rakyat, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR, MTEN) yang berada di dalam Kawasan Parlimen Lembah Pantai. DBKL sedang menjalankan keseluruhan banciaan terhadap setinggan-setinggan tersebut. Semua setinggan akan dipindahkan setelah banciaan keseluruhan siap dilaksanakan. Kesemua **1,050** keluarga setinggan ini akan dapat dipindahkan pada tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai ialah mengenai kriteria dan garis panduan yang digunakan oleh DBKL dalam menentukan kelayakan permohonan membeli atau menyewa rumah-rumah yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria yang melayakkan seseorang untuk membeli rumah kendalian DBKL adalah seperti berikut:

- i. Suami dan isteri adalah warganegara Malaysia;
- ii. Telah berkahwin;
- iii. Pendapatan terkumpul suami/isteri hendaklah tidak melebihi RM 2,000 sebulan untuk rumah kos rendah dan RM 4,000 untuk rumah kos sederhana rendah;
- iv. Telah mendaftar melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) di Jabatan Pengurusan Perumahan;

- v. Pemohon atau suami/isteri tinggal atau bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- vi. Tidak memiliki rumah atau tanah dalam lingkungan 35 kilometer dari Pusat Bandar Kuala Lumpur dan Lembah Kelang; dan
- vii. Berkelayakan mendapat pinjaman perumahan dari bank/majikan/pinjaman kerajaan.

Manakala untuk permohonan menyewa rumah pula, kriteria yang melayakkan seseorang untuk menyewa rumah kendalian DBKL adalah:

- i. Suami dan isteri adalah warganegara Malaysia;
- ii. Telah berkahwin;
- iii. Pendapatan terkumpul suami/isteri hendaklah tidak melebihi RM 2,000 sebulan untuk rumah kos rendah dan RM 3,500 untuk rumah kos sederhana rendah;
- iv. Telah mendaftar melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) di Jabatan Pengurusan Perumahan;
- v. Pemohon atau suami/isteri tinggal atau bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
- vi. Tidak memiliki rumah atau tanah dalam lingkungan 35 kilometer dari Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Tawaran untuk menyewa rumah adalah bergantung kepada kekosongan unit yang ada.

NO: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN ( BUKIT BINTANG )**  
**TARIKH : 15.05.2008 (KHAMIS)**  
**SOALAN : 18 55**

**TUAN FONG KUI LUN ( BUKIT BINTANG )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berikutan kos sara hidup semakin tinggi dan harga barang-barang keperluan semakin meningkat, apakah langkah jangka panjang dan langkah jangka pendek Kementerian untuk memastikan harga dan kos barangan dan perkhidmatan berada dalam tahap kemampuan sebenar para pengguna.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Langkah yang telah diambil bagi memastikan harga dan kos barangan berada dalam keadaan yang munasabah adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit. Dalam tempohmasa Januari 2008 hingga 04 Mei 2008 pula, sejumlah 384,019 pemeriksaan telah dijalankan dan hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 617 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM 830,455.27.

Kerajaan juga terus melaksanakan kawalan harga sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Harga 1946 ke atas gula pasir bertapis kasar dan halus. Kawalan harga secara pentadbiran ke atas 9 jenis barang kawalan iaitu petrol, diesel, gas petroleum cecair, tepung gandum, susu pekat manis, roti (*standard white loaf*), ayam, minyak masak dan simen masih berkuatkuasa dan harga kawalannya masih mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Satu Pasukan Petugas Khas Menangani Kenaikan Harga juga telah digerakkan bagi memastikan aktiviti mencatat dapat ditangani secara menyeluruh. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai oleh agensi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kastam DiRaja, Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen dan lain-lain yang akan menguatkuasakan undang-undang mereka dengan objektif untuk mengambil tindakan bersepadu bagi menangani kenaikan harga barangan di pasaran.

**Tuan Yang Dipertua,**

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah baru untuk membendung kenaikan harga dan inflasi. Langkah-langkah tersebut adalah :

- (i) Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh Y.A.B Perdana Menteri. Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan pada setiap minggu bagi membincang dan mengenalpasti langkah-langkah baru untuk menangani kenaikan harga barangan. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 1 April 2008. Pada mesyuarat tersebut telah dibentangkan Dasar Jaminan Makanan Negara. Melalui dasar ini beberapa cadangan telah dikemukakan, antaranya ialah menambah kawasan penanaman padi, pengwujudan stok penimbal dan

program Buku Hijau. Sebanyak RM4 bilion juga telah diperuntukkan di bawah dasar ini untuk menjamin bekalan makanan mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

- (ii) Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti beras, minyak masak, tepung, besi dan simen. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkatkan dan ditambah baik. Pada masa yang sama, Kerajaan akan mengkaji Akta Kawalan Harga 1946 dan kawalan input bagi beberapa barangan tertentu agar ianya tidak akan membebankan pengguna.
  
- (iii) Peningkatan harga minyak mentah dunia menyebabkan Kerajaan perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk subsidi ke atas diesel dan petrol. Oleh yang demikian, sistem pengurusan subsidi akan dipertingkatkan supaya ketirisan penyaluran diesel dan petrol bersubsidi ini kepada golongan sasar dapat dibanteras.
  
- (iv) Dalam menguruskan subsidi ini, tiga prinsip utama akan digunapakai iaitu:
  - a. Penyeragaman ke atas harga barang-barang perlu yang mendapat subsidi serta diselaras harga barang kawalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
  - b. Menentukan senarai barangan yang perlu diberi subsidi oleh Kerajaan; dan
  - c. Mengenalpasti dan menentukan kumpulan sasaran yang akan menikmati subsidi daripada Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG**  
**[SIMPANG RENGAM]**  
**TARIKH : 15 MEI 2008**  
**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN**  
**Menyatakan:-**  
Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan bagi memastikan pusat-pusat pelancongan terutamanya di kawasan pantai sentiasa berada di dalam keadaan bersih terhindar daripada sampah sarap.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman yang Berhormat, usaha-usaha berterusan telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pelancongan, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) dan Kerajaan Negeri bagi memastikan semua pusat pelancongan dalam keadaan bersih dan berfungsi dengan baik.

Usaha-usaha berterusan ini mendapat kerjasama dari semua agensi negeri yang terlibat dalam sektor industri pelancongan.

MTPN telah diberi tugas untuk memantau dan melapor terus kepada pihak Kementerian mengenai status terkini pusat-pusat pelancongan dari semasa ke semasa.

Dalam hal ini, Kementerian saya juga menyerukan kepada semua rakyat Malaysia supaya bersama-sama menggunakan segala kemudahan yang terdapat di pusat-pusat pelancongan dengan baik dan berhemah serta memastikan kebersihan ditahap yang terbaik bagi menarik pelancongan asing ke Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

Pertanyaan : **LISAN**  
Daripada : **YB. DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BT. WAN ISMAIL (PERMATANG PAUH)**  
Tarikh : **15 MEI 2008 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**YB. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh)** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan:

- a) Langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki imej dan kredibiliti media-media perdana yang tidak lagi dipercayai rakyat berbanding dengan media alternatif seperti internet, SMS dan sebagainya seperti mana yang diperakui YAB Perdana Menteri baru-baru ini; dan
- b) Pendekatan yang diambil untuk menarik balik minat penonton yang begitu menurun seperti mana yang dianjurkan oleh bancia-bancia bebas.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Permatang Pauh atas soalan yang diberikan.

- a) Kementerian Penerangan menyedari media alternatif yang menjadi saingan kepada media arus perdana. Sehingga kini media arus perdana masih menjadi sumber untuk masyarakat mendapatkan maklumat yang sah dan tepat.

Kementerian Penerangan yang bertanggungjawab mengawal selia Radio dan TV RTM akan memastikan fungsinya terus relevan di samping meneruskan peranannya sebagai ejen perubahan kepada masyarakat. Ini termasuk mengubah corak pemberitaan yang lebih berorientasikan rakyat.

- b) Kementerian Penerangan sememangnya serius dalam memastikan peningkatan jumlah penonton RTM. Selain melaksanakan kajian keberkesanan, Kementerian juga memastikan latihan berterusan kepada kakitangannya serta membuat penambahbaikan terhadap kualiti rancangannya.

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI**  
**[TITIWANGSA]**  
**TARIKH : 15 MEI 2008**  
**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan Kementerian kepada Ahli Parlimen yang telah diagihkan sepanjang tempoh Parlimen Kesebelas yang lalu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua, kadar dan jumlah peruntukan khas Y.A.B. Perdana Menteri kawasan Ahli Parlimen bagi tahun 2004 hingga 2007 adalah seperti berikut:

**KADAR PERUNTUKAN KHAS Y.A.B. PERDANA MENTERI UNTUK  
Y.B. AHLI PARLIMEN**

TAHUN	JUMLAH KAWASAN	KADAR PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH (RM)
2004	219	600,000.00	131,400,000.00
2005	219	550,000.00	120,450,000.00
2006	219	2.0 JUTA	438,000,000.00
2007	222	1.0 JUTA	222,000,000.00

Bagi tahun 2008 kadar peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen yang diagihkan sebelum Pilihanraya Umum ke 12 ialah RM1.0 juta bagi setiap kawasan Parlimen yang berjumlah RM222.0 juta untuk 222 kawasan. Akan tetapi sehingga tarikh pembubaran Parlimen sebanyak 49.69% yang berjumlah RM110,332,482.62 telah dibelanjakan. Baki peruntukan yang tidak sempat dibelanjakan iaitu sebanyak RM111,667,517.38 adalah dibatalkan. Selepas pilihanraya Y.A.B. Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan baru sebanyak RM500,000.00 bagi setiap kawasan Parlimen yang berjumlah RM111.0 juta untuk 222 kawasan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]**  
**TARIKH : 15 Mei 2008 (Khamis)**  
**SOALAN : 59**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan dan kedudukan lapangan terbang di Ipoh. Adakah Kementerian akan menaik taraf Lapangan Terbang Ipoh atau pun membina lapangan terbang baru.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Gopeng, Dr. Lee Boon Chye bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Taiping, Tuan Nga Kor Ming pada Selasa, 20 Mei 2008 kerana ia merupakan soalan yang sama.

Kementerian tidak bercadang untuk menaik taraf Lapangan Terbang Ipoh kerana mendapati projek tersebut adalah tidak *viable*. Ini adalah berasaskan kepada perkara-perkara berikut:

- a) Pada tahun 1998, apabila KLIA mula beroperasi, prestasi trafik penumpang telah merosot tahun demi tahun. Pada tahun 2003, Lapangan Terbang Ipoh telah mengendalikan sebanyak 115,286 penumpang. Jumlah penumpang telah merosot ke 103,123 pada tahun 2004 dan pada tahun 2006 pula, jumlah penumpang adalah sebanyak 64,711. Pada tahun 2007 pula, Lapangan Terbang Ipoh hanya mengendalikan sebanyak 814 penumpang;
- b) Semua syarikat-syarikat penerbangan berjadual yang pernah mengadakan operasi penerbangan ke Ipoh seperti MAS, AirAsia, Jentayu Airlines, Katrika Air dan Merpati Nusantara telah menamatkan operasi masing-masing kerana kekurangan penumpang;
- c) Lapangan Terbang Ipoh dikelilingi oleh kawasan yang padat dengan taman-taman perumahan. Sekiranya lapangan terbang tersebut di naik taraf, kos untuk mengambil balik tanah-tanah di kawasan sekeliling lapangan terbang akan menyebabkan kos pembangunan amat tinggi;
- d) Masalah pencemaran bunyi juga akan timbul memandangkan kawasan sekitar Lapangan Terbang Ipoh merupakan kawasan perumahan;
- e) Terdapat juga objek-objek yang dianggap sebagai galangan-galangan *aerodrome* sedia ada (*aerodrome obstacle*) iaitu tiang-tiang ariel, menara telekomunikasi serta bangunan-bangunan tinggi. Sebarang tindakan akan melibatkan kos yang amat tinggi kerana terdapatnya galangan-galangan yang perlu dialihkan.

Memandangkan kepada kadar penurunan trafik yang begitu ketara serta halangan-halangan yang telah dinyatakan, Kementerian tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf serta membina sebuah lapangan terbang baru.

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN CHUA SOON BUI  
[TAWAU]

TARIKH : 15 MEI 2008

SOALAN :

PUAN CHUA SOON BUI [TAWAU] MINTA  
MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN  
MENYENARAikan JALAN-JALAN BARU YANG  
DILULUSKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA

KE-9. UNTUK KAWASAN TAWAU, LENGKAP DENGAN BUTIRAN LOKASI, PANJANG JALAN, KOS PEMBINAAN SERTA JANGKA MASA SIAP DIBINA.

**JAWAPAN : -**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PADA MASA INI BELUM ADA PROJEK BARU YANG DILULUSKAN DALAM RMK-9 UNTUK KAWASAN TAWAU. WALAU BAGAIMANAPUN, TERDAPAT SATU PROJEK RMK-8 YANG TELAH BERMULA PADA TAHUN 2004 DAN TELAH DISAMBUNG KE RMK-9. PROJEK**

**YANG DIMAKSUDKAN IALAH PROJEK MEMBINA JALAN DARI SEPULUT KE KALABAKAN DENGAN KOS PEMBINAAN SEBANYAK RM565 JUTA. PROJEK INI DIJANGKA AKAN DISIAPKAN PADA AKHIR BULAN MEI 2008.**

**SETERUSNYA, KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH MENGENALPASTI DUA (2) LAGI PROJEK BARU UNTUK DIMASUKKAN DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9 (K.S.P RMK-9). PROJEK PERTAMA YANG DIPOHON UNTUK KAWASAN TAWAU IALAH PROJEK MEMBINA JALAN MALIAU BASIN. SKOP PROJEK DIPOHON IALAH MEMBINA JALAN BERTURAP SEPANJANG 32 KM DARI SIMPANG JALAN SAPULUT – KALABAKAN MENUJU KE KAWASAN PEMULIHARAAN MALIAU BASIN IAITU SALAH SATU DESTINASI EKO-PELANCONGAN YANG TERKENAL DI SABAH.**

**PROJEK KEDUA YANG DIPOHON IALAH PROJEK NAIKTARAF JALAN UTARA EXTENSION, TAWAU YANG BERTUJUAN UNTUK MENGURANGKAN KESESAKAN LALU LINTAS DISEBABKAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN INDUSTRI. SKOP PROJEK YANG DIPOHON IALAH MENAIKTARAF JALAN SEDIA ADA SEPANJANG 5.5KM KE JALAN DUA HALA.**

**SELANJUTNYA, UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9 KINI SEDANG DITELITI OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI (UPE,JPM) DAN SENARAI PROJEK YANG DILULUSKAN MASIH BELUM DIMUKTAMADKAN. ADALAH DIJANGKAKAN BAHAWA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-9**

**AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIMEN UNTUK  
KELULUSAN MENJELANG JUN/JULAI TAHUN  
INI. OLEH ITU, PERSOALAN SAMA ADA  
PROJEK-PROJEK INI AKAN DILAKSANAKAN  
ATAU TIDAK ADALAH TERTAKLUK KEPADA  
KELULUSAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-  
9 KELAK.**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

---

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : YB. Tuan Saifudin Nasution bin Ismail

**TARIKH** : 15 Mei 2008

### **SOALAN:**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan untuk memastikan agar kes-kes murtad dan bagi mereka yang telah memeluk Islam pada masa hadapan yang melibatkan kematian, perceraian dan sebagainya dapat diuruskan dengan lebih berhikmah serta mengurangkan pertelingkahan antara agama.

## **JAWAPAN:**

Peruntukan mengenai muallaf ada termaktub di dalam Undang-undang Pentadbiran Negeri-negeri. Untuk Wilayah Persekutuan, Akta 505, Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) adalah digunapakai. Akta ini menjelaskan perkara yang berkaitan dengan kemasukan Islam dan muallaf. Untuk memperincikan lagi pentafsiran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan muallaf, Kerajaan telah menyiapkan draf Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru. Antara lain, draf garis panduan ini merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, kematian dan sebagainya. Adalah diharapkan, dengan adanya garis panduan ini, perkara-perkara yang berkaitan dengan muallaf dapat ditangani dengan lebih berhikmah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

**Y.B. Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah drastik dan proaktif Kerajaan bagi merapatkan jurang perbezaan ekonomi yang semakin melebar di peringkat bandar dan desa.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan Y.B. Rantau Panjang bahawa jurang perbezaan ekonomi antara bandar dan desa yang semakin melebar adalah tidak benar. Berdasarkan maklumat terbaru daripada Penyiasatan Isi Rumah 2007, jurang pendapatan di antara penduduk luar bandar dan bandar didapati semakin mengecil iaitu berkurangan daripada 1:2.11 pada tahun 2004 kepada 1:1.91 pada tahun 2007. Pengurangan jurang pendapatan ini juga sebenarnya telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu 1:2.0 pada tahun 2010. Keadaan ini

menggambarkan kejayaan pelbagai dasar dan program Kerajaan di dalam mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kawasan luar bandar dengan bandar di samping peningkatan ketara dalam harga komoditi pertanian terutamanya kelapa sawit dan getah.

Walaupun sasaran mengurangkan jurang pendapatan ini telah dicapai lebih awal, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengurangkan lagi jurang pendapatan ini menerusi aktiviti-aktiviti yang dapat menjana pendapatan dan peluang pekerjaan, penyediaan lebih banyak kemudahan infrastruktur dan kemudahan sosial serta menggalakkan lagi pembangunan modal insan. Di samping itu, antara langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan dalam mengurangkan lagi jurang pendapatan penduduk luar bandar dan bandar adalah menerusi pembangunan koridor baru yang melibatkan Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak. Koridor-koridor ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pendapatan penduduk luar bandar dengan menjana pelbagai aktiviti ekonomi yang lebih tinggi di kawasan terlibat dan manfaatnya akan dapat dinikmati secara langsung oleh penduduk tempatan dari segi penyediaan pelbagai peluang pekerjaan, perniagaan, peruncitan dan sebagainya. Ini seterusnya akan membantu mengurangkan lagi jurang pembangunan antara bandar-luar bandar dan wilayah di Malaysia.

Di samping itu, menerusi program khusus di bawah lonjakan mega luar bandar seperti agropolitan, ianya juga merupakan salah satu pendekatan baru dalam meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar khususnya dikalangan isirumah miskin. Projek ini telah dilaksanakan di

Pulau Banggi, Sabah; Gua Musang, Kelantan; Ganda, Perak; dan Gahai, Pahang, di mana ianya melibatkan 4,600 isi rumah miskin tegar. Pembangunan agropolitan juga akan dipertingkatkan dan kawasan baru yang berpotensi juga sedang dikenalpasti untuk pembangunan agropolitan. Dengan kejayaan pelbagai program dan projek ini, maka dijangkakan jurang pendapatan antara penduduk luar bandar dan bandar akan terus mengecil di masa depan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU

TARIKH: 15 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ Telok Intan ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengapakah pekerja ladang masih tidak ada atau menerima gaji tetap minimum. Apakah rancangan Kerajaan terhadap isu ini dan bila pekerja ladang akan menerima gaji tetap minimum.

PR-1211-L11699

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, belum ada sebarang dasar bagi menetapkan gaji minimum untuk pekerja-pekerja ladang. Walau bagaimanapun, majoriti pekerja-pekerja ladang menjadi ahli *National Union of Plantation Workers* (NUPW) dan ahli kesatuan ini diliputi oleh Perjanjian Bersama antara NUPW dan *Malayan Producers of Agricultural Association* (MAPA). Ahli NUPW layak menikmati **Jaminan Pendapatan Bulanan (Basic Monthly Guaranteed) RM350.00 sebulan**. Jika berlaku faktor-faktor luar kawalan seperti cuaca, harga komoditi menurun dan sebagainya, mereka masih memperoleh sekurang-kurangnya RM 350 sebagai *Basic Monthly Guaranteed*.

Selain daripada itu, Seksyen 16, Akta Kerja 1955 menetapkan pekerja-pekerja ladang memperoleh pendapatan tidak kurang dari 24 hari gaji dalam sebulan walaupun mereka bekerja kurang daripada tempoh tersebut kerana faktor-faktor cuaca. Selain daripada itu, pekerja ladang juga disediakan beberapa kemudahan asas seperti rumah pekerja, bekalan air, elektrik, pengangkutan, klinik dan lain-lain secara percuma.

Secara umumnya, walaupun tiada gaji minimum ditetapkan, pekerja-pekerja ladang boleh memperoleh purata pendapatan sebanyak RM 800 - RM 1200 sebulan.

Sebagai usaha untuk meningkatkan pendapatan pekerja ladang, Kerajaan telah merancang untuk mengambil langkah-langkah berikut:-

- 1) Menggalakkan penubuhan Majlis Perundingan Bersama (JCC) di setiap ladang bagi membolehkan isu mengenai terma perkhidmatan dan kadar gaji dirundingkan; dan
- 2) Mengadakan perundingan dengan pemilik-pemilik ladang dan menggesa mereka supaya lebih terbuka dengan isu-isu yang melibatkan keuntungan syarikat dan pendapatan pekerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
(PUTATAN)**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

**DATUK DR. MARCUS MOJIGOH (PUTATAN)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencapai sasaran sifar kemiskinan menjelang tahun 2010 terutama sekali di Negeri Sabah memandangkan negeri ini terus dibanjiri oleh kemiskinan import iaitu akibat kemasukan pendatang asing miskin (imported poverty) daripada Filipina dan Indonesia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan sememangnya telah menetapkan sasaran di peringkat nasional untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.8 peratus dan menghapuskan sepenuhnya miskin tegar menjelang tahun 2010. Sehubungan dengan itu, setiap negeri termasuk Sabah, telah dilibatkan dalam program menghapuskan sepenuhnya miskin tegar bagi membolehkan sasaran di peringkat nasional tersebut dicapai. Bagi memastikan sasaran ini dicapai, Kerajaan telah menyediakan

peruntukan yang besar kepada Sabah di bawah RMKe-9 bagi pelaksanaan program dan projek pembasmian kemiskinan. Sebahagian daripada peruntukan ini adalah untuk pelaksanaan program dan projek Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan sebahagian lagi untuk pelaksanaan program dan projek kemiskinan oleh agensi-agensinya di bawah penyelarasan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah. Selain itu, Kerajaan Negeri Sabah juga menerima peruntukan khusus sumbangan daripada FELDA setiap tahun dalam tempoh RMKe-9 untuk diagihkan terutamanya kepada projek-projek pembasmian kemiskinan di seluruh Sabah. Kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan program pembasmian yang berimpak tinggi di bawah pembangunan Koridor Sabah bagi memastikan matlamat pembasmian kemiskinan dapat dicapai.

Dengan terlaksananya sebahagian daripada program-program tersebut, status kemiskinan di Negeri Sabah pada tahun 2007 adalah semakin berkurang berbanding tahun-tahun sebelumnya. Insiden kemiskinan di negeri ini telah berkurang daripada 23 peratus pada tahun 2004 kepada 16 peratus pada tahun 2007. Manakala insiden kemiskinan tegar pula telah berkurang daripada 6.5 peratus kepada 3.7 peratus dalam tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Kegusaran Y.B. dari Putatan berhubung kesan kebanjiran kemiskinan akibat kemasukan pendatang asing miskin daripada Filipina dan Indonesia adalah tidak berbangkit memandangkan angka-angka kemiskinan yang digunakan oleh Kerajaan tidak merangkumi golongan miskin di kalangan bukan warga negara Malaysia. Kerajaan berkeyakinan bahawa sasaran untuk membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dapat dicapai. Walau bagaimanapun, kerjasama

erat semua pihak, baik di peringkat pusat maupun di peringkat negeri dan daerah amatlah perlu ke arah mencapai matlamat tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG)**  
**PERTANYAAN : MULUT**  
**TARIKH : 15.05.2008**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah (Subang)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berdasarkan rancangan Kerajaan untuk mencapai matlamat mampu mengeluarkan makanan cukup dan wang dari institusi kewangan adalah perlu untuk modal permulaan, adakah Kementerian Kewangan mempunyai apa-apa rancangan untuk memastikan semua institusi kewangan memberi bantuan kepada pengeluaran makanan berdasarkan sebahagian minima daripada semua pinjaman mereka.

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi perbankan merupakan penyumbang utama dana pinjaman kepada sektor pertanian dan industri asas tani. Pada tahun 2007, institusi perbankan meluluskan sebanyak RM17.0 bilion untuk membiayai pelbagai aktiviti pertanian dan asas tani termasuk pengeluaran makanan sebanyak RM3.5 bilion. Pinjaman terkumpul institusi perbankan bagi sektor ini pula berjumlah RM31.8 bilion pada

akhir tahun 2007 termasuk pengeluaran makanan sebanyak RM11.0 bilion.

2. Di samping itu, Agrobank (dahulunya dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia) juga memainkan peranan penting dalam melengkapkan pembiayaan oleh institusi perbankan kepada sektor pertanian dan industri asas tani. Jumlah pinjaman terkumpul Agrobank kepada sektor ini adalah sebanyak RM3.8 bilion pada akhir tahun 2007. Pengkorporatan Agrobank pada 1 April 2008 dengan modal berbayar ditingkatkan kepada RM1 bilion akan meningkatkan lagi aktiviti peminjaman, pengukuhan keupayaan yang berterusan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada sektor ini.

Tuan Yang Dipertua,

3. Selain itu, peruntukan Tabung Untuk Makanan yang telah ditambah sebanyak RM300 juta lagi pada tahun 2007 menjadikan jumlah keseluruhan tabung sebanyak RM1.9 bilion, akan meningkatkan lagi pembiayaan kepada pengeluaran makanan.

4. Walau pun pelbagai kemudahan pembiayaan bagi pengeluaran makanan telah disediakan, Kerajaan akan sentiasa menggalakkan institusi perbankan menyalurkan pinjaman bagi membiayai pengeluaran makanan.

NO. SOALAN : ~~24~~ 66

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama-nama persatuan-persatuan, badan-badan NGO, JKKK dan individu yang telah menerima peruntukan dari peruntukan khas bagi setiap Ahli Parlimen yang diperuntukan bagi kawasan Bandar Kuching, ianya RM500,000.00 dalam tahun 2006 dan RM1,000,000.00 dalam tahun 2007.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua, penerima faedah projek-projek di bawah Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk kawasan-kawasan Parlimen terdiri daripada rakyat pelbagai kaum yang menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan atau dinaiktarafkan meliputi kemudahan infrastruktur asas, infrastruktur awam, masjid dan surau serta program/pemberian/sumbangan kepada Persatuan IbuBapa dan Guru (PIBG), Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK), golongan rakyat miskin, persatuan-persatuan penduduk, dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain. Bilangan dan nilai projek mengikut kategori/penerima faedah bagi kawasan Parlimen Bandar Kuching adalah seperti berikut :

PENERIMA AGIHAN	TAHUN 2006	TAHUN 2007
	JUMLAH (RM2.0 JUTA)	JUMLAH (RM1.0 JUTA)
1. Surau/Masjid	450,000.00	201,000.00
2. JKKK Kampung Projek Kecemasan/Kebakaran	50,000.00	-
3. Sekolah (Kursus, Kejurulatihan kepada guru-guru dan kursus pelajar-pelajar)	400,000.00	515,000.00
4. Pelajar Miskin (Kursus dan bantuan beg sekolah, pakaian seragam dan lain-lain)	200,000.00	200,000.00
5. Orang Miskin ( Amanah Ikhtiar Malaysia dan Program Keusahawanan)	90,000.00	60,000.00
6. Saudara Baru	150,000.00	-
7. Siswazah Menganggur	150,000.00	-
8. NGO (YAKIN/HIKMAH/ABIM/YADIM)	510,000.00	12,650.00
9. TYT (Sumbangan kepada orang miskin)	-	11,350.00
<b>JUMLAH</b>	<b>2,000,000.00</b>	<b>1,000,000.00</b>

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI**  
**(CHERAS)**  
**TARIKH : KHAMIS, 15 MEI 2008**  
**RUJUKAN : 012**  
**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai (Cheras)** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bahawa berikutan kekalahan calon-calon BN di Wilayah Persekutuan dalam pilihan raya umum 2008 yang berpunca sebahagiannya dari kelemahan dan ketidakcekapan pentadbiran DBKL. Apakah langkah dan tindakan pembaharuan yang diambil untuk melakukan reformasi dan penstrukturan semula peranan dan tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya lebih berkesan dan cekap.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa dan secara berterusan telah dan sedang melakukan pelbagai pembaharuan bagi meningkatkan mutu serta kecekapan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Kuala Lumpur. Langkah-langkah pembaharuan ini

tidak berkaitan dengan kekalahan calon-calon parti Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara langkah-langkah penambahbaikan dan pembaharuan yang diambil bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran DBKL ialah :

- 1. Melaksanakan Penstrukturan Semula DBKL;**
- 2. Melaksanakan Projek Kecemerlangan Organisasi;**
- 3. Mengadakan Sesi Datuk Bandar Bersama Media;**
- 4. Melaksanakan Sistem Penggredan (*Star Rating*);**
- 5. Menyediakan dan melengkapkan Kaunter Khidmat Pelanggan;**
- 6. Mempertingkatkan kursus/latihan kepada semua pegawai dan kakitangan;**
- 7. Meningkatkan Projek-projek Inovasi yang boleh membantu DBKL memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Kuala Lumpur;**
- 8. Menubuhkan Pasukan KMK (Kawalan Mutu Kerja) 2008; dan**
- 9. Mempertingkatkan usaha kearah mencapai Persijilan MS ISO 9000;**

Semua langkah pembaharuan ini dilakukan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan DBKL agar berupaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Kuala Lumpur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM  
**TARIKH** : 15 MEI 2008

**SOALAN**

**Datuk Zahrain Mohamed Bin Hashim [ Bayan Baru ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan :-**

- (a) berapa banyak permit teksi telah dikeluarkan atas nama syarikat dan individu dan apakah kriteria mengeluarkan permit ini; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) atas syarikat atau individu yang menyewakan permit mereka.

**JAWAPAN**


**Tuan Yang Dipertua,**


- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2007, jumlah keseluruhan lesen teksi di Semenanjung Malaysia ialah sebanyak 28,292 lesen iaitu 18, 905 (65.4%) lesen milikan syarikat dan koperasi manakala bakinya 9,387 (34.6%) lesen milikan individu. Pengeluaran lesen teksi adalah berdasarkan keperluan pasaran. Antara kriteria bagi menentukannya ialah nisbah lesen berbanding

penduduk (1 lesen : 200 penduduk), mod pengangkutan lain yang tersedia dan bilangan pelancong.

**Tuan Yang Dipertua,**

- (b) Pemegang lesen adalah tidak boleh menyewakan lesen, memindahmilik atau menyerahkan hak atau membenarkan mana-mana individu menggunakan kenderaan dibenarkan atau memberikan perkhidmatan yang dibenarkan dalam lesen itu kecuali dengan keizinan Lembaga. Seksyen 39 (3) Akta LPKP 1987 (Akta 334) memperuntukan pemilik lesen yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Lembaga juga boleh membatalkan atau menggantung lesen tersebut seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 25 Akta LPKP 1987.

Disediakan Oleh :  NOR NEKMAN BIN JAIMON 21/4/2008  
: No.Tel. Pejabat : 03-88805478  
: No. H/P : 019-2768803

Disemak Oleh :  NAIMAH BINTI RAMLI 21/4/08  
: No.Tel. Pejabat : 03-8880 5474  
: No. H/P : 012-3250969

Diluluskan Oleh :  ALWI BIN HAJI IBRAHIM 24/4/11

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING**

**[BINTULU]**

**TARIKH : 15 MEI 2008 (KHAMIS)**

**SOALAN : Oleh Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

- a) Apakah rancangan pihak Kementerian dalam usaha-usaha untuk membantu nelayan bot kecil atau nelayan pesisiran pantai bagi menjalankan operasi penangkapan ikan tanpa lesen ekoran pembekuan Lesen Bot Kecil; dan
- b) Bilakah agaknya pihak Kementerian berhasrat untuk menarik balik pembekuan lesen Bot Kecil ini di seluruh negara.

**JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani**

**Tuan Yang Dipertua,**

a) Dasar pembekuan pengeluaran lesen baru kecuali lesen laut dalam telah dilaksanakan sejak tahun 1983 bagi menjaga dan mengekalkan sumber perikanan yang telah diterokai secara optima. Mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti perikanan tanpa lesen adalah bersalahan dengan Akta Perikanan 1985. Walaupun begitu, Kementerian ini melalui Jabatan Perikanan telah dan akan terus melaksanakan program-program untuk membantu nelayan melalui program latihan kemahiran dalam bidang pelayaran, pembaikan enjin, pemprosesan dan akuakultur agar mereka mampu bekerja di atas vesel menangkap ikan yang lebih besar serta moden atau beralih menceburi bidang pemprosesan hasilan ikan atau dalam aktiviti ternakan ikan.

b) Jabatan Perikanan tidak berhasrat untuk menarik balik pembekuan pengeluaran lesen baru dalam masa terdekat ini berdasarkan kepada kedudukan sumber pantai yang kritikal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 15 MEI 2008**

**SOALAN:**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan melantik Y.B. Ahli Parlimen Kepong menjadi Menteri di Kementerian Wilayah Persekutuan menggantikan Y.B. Ahli Parlimen Setia Wangsa berdasarkan mandat daripada rakyat melalui keputusan pilihan raya baru ini di mana 10 daripada 13 Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan adalah Ahli Parlimen Pakatan Rakyat.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Perlantikan Menteri adalah budi bicara YAB Perdana Menteri dengan mengambil kira Ahli-ahli Parlimen yang mewakili parti Kerajaan. Ahli Parlimen Kepong adalah Ahli Parlimen yang mewakili Parti DAP iaitu pembangkang. Amalan dalam Demokrasi Berparlimen hanya melantik menteri-menteri dikalangan Ahli Parlimen parti Kerajaan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mencadangkan Ahli Parlimen Kepong menjadi menteri, pilihan beliau adalah untuk menukar parti yang beliau dokongi dan menyertai mana-mana parti komponen Barisan Nasional. Sekiranya ini berlaku perkara tersebut mungkin boleh dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Perlantikan Menteri adalah budi bicara YAB Perdana Menteri dengan mengambil kira Ahli-ahli Parlimen yang mewakili parti Kerajaan. Ahli Parlimen Kepong adalah Ahli Parlimen yang mewakili Parti DAP iaitu pembangkang. Oleh itu perlantikan sebagai menteri tidak timbul sama sekali.

Sekian, terima kasih